



فلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.38 | SUBUH 4.48 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.07 | ASAR 3.24 | MAGHRIB 6.06 | ISYAK 7.16

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 125

16 OKTOBER 2024 / 1446 ١٢

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

مانیسش ایمان

"DAN sesiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Allah akan memudahkan baginya jalan keluar (dalam urusannya). Dan Dia mengurniakannya rezeki dari arah yang tidak terlintas difikirannya. Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah maka cukuplah Allah itu baginya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusannya. Allah telah menetapkan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Talaq, ayat 2 - 3.

MAJLIS PERSANTAPAN DIRAJA RAIKAN KEBERANGKATAN NEGARA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menghoskan Majlis Persantapan Diraja sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII (Ke-17), Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah, yang berlangsung di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 4 dan 5).

Kajian sebagai penanda aras penting bagi pemantauan kemajuan negara

Siaran Akhbar :
Jabatan Perancangan Ekonomi
dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Oktober. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mula menjalankan Kajian Tenaga Kerja (KTK) tahunan bersama Kaji Selidik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi Isi Rumah dan Individu 2024 (Kaji Selidik ICT 2024) dengan Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) bermula pada 14 Oktober hingga 10 November 2024.

KTK tahunan ini diadakan adalah bertujuan untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur, taburan dan ciri-ciri tenaga kerja, pekerjaan, pengangguran dan lain-lain ciri-ciri ekonomi penduduk yang akan digunakan dalam membantu perancangan, penyelidikan dan penyediaan dasar tenaga kerja.

>> Muka 12

Berkenan ucapkan selamat berangkat

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad, Aimi Sani

BERAKAS, Selasa, 15 Oktober. - Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII (Ke-17), Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah selama tiga hari ke Negara Brunei Darussalam yang telah bermula pada 13 Oktober lalu berakhir, hari ini.

Sebelum meninggalkan negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pagi tadi mengucapkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), di sini.

>> Muka 3

Keadaan cuaca NBD diramalkan aktif

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Oktober. - Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada dalam tempoh peralihan monsun yang dijangka akan berterusan sehingga penghujung bulan November 2024, sebelum memasuki Monsun Timur Laut. Sepanjang tempoh monsun peralihan ini, kesan angin tempatan memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi cuaca harian negara kita.

Keadaan cuaca diramalkan aktif bermula Isnin, 14 Oktober 2024 sehingga Jumaat, 18 Oktober 2024 dengan hujan, sekali-sekala lebat dan berpetir dijangka menjelaskan kawasan pedalaman pada waktu lewat petang dan merebak ke kawasan pesisiran dan perairan negara pada waktu malam dan berpotensi berlanjut ke awal pagi keesokan hari.

>> Muka 12



Berita Utama



SEMANGAT berpasukan jayakan Pesta Konvo IBTE 2024

Muka 9



QARI, qariah NBD berjaya raih tempat ke-5

Muka 11



MENINGKATKAN kompetensi, kualiti pengajaran guru ugama

Muka 13



Warisan

PULIHARA warisan, permainan kita tugas bersama

Muka 20



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap pada Majlis Perasmian Sidang Ke-28 Mastera Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT), Festival Teater Mastera (Apresiasi Naskhah Drama), Anugerah Sastera Mastera (ASM) Ke-7, 2024 pada Selasa (malam), 28 Rabiuulawal 1446H / 1 Oktober 2024M bertempat di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillahi Rabbil Alameen,
Wassalatu Wassalamu Ala Asrafil
Anbiya Iwal Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala
Aalihee Wasohbihee Ajma'een,
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan rahmat dan izin-Nya

Keteguhan kerjasama Mastera tunjang utama pemerkasaan Kesusasteraan Melayu serantau

jua, kita dapat sama-sama berkumpul dalam Majlis Perasmian Sidang Ke-28 Mastera dan rangkaian kegiatan Mastera pada malam ini.

Dalam kesempatan ini, selaku tuan rumah Mastera pada tahun ini, sukcita peramba / kaola / saya mengalu-alukan kehadiran ketua-ketua perwakilan dari Indonesia, Malaysia dan Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD). Semangat dan teguhnya kerjasama antara negara-negara anggota Mastera ini menjadi tunjang utama kepada kekuatan dalam mendayaupayakan pemerkasaan Kesusasteraan Melayu serantau.

Mastera sudah mencapai usia 29 tahun sejak Deklarasi Mastera pada 25 Ogos 1995. Penubuhan Mastera mempunyai hala tuju yang jelas dan penting, iaitu bagi merapatkan hubungan, pengertian dan kerjasama kesusasteraan negara-negara anggota dalam usaha memajukan dan mengembangkan kesusasteraan serantau ke arah menjadi warga sastera dunia yang berwibawa dan juga mengusahakan peluang-peluang bersama untuk para sasterawan memajukan bakat, penterjemahan, penerbitan dan pengiktirafan terhadap pencapaian mutu ciptaan sastera ke peringkat rantaui dan antarabangsa.

Peramba / kaola / saya difahamkan, banyak projek kesusasteraan telah dilaksanakan dengan jayanya terutama dalam kerja-kerja penelitian, penyelidikan,

penyusunan dan penerbitan yang mendukung pemartabatan sastera dan bahasa Melayu. Peramba / kaola / saya menyarankan antara yang boleh diusahakan dalam ledakan teknologi informasi dan komunikasi ini, melalui Mastera ialah menggandakan usaha mempromosi semua produk Mastera berkenaan agar penyebarannya mencapai ke negara-negara di luar daripada anggota Mastera, malah sehingga di peringkat antarabangsa. Peramba / kaola / saya melihat perkara ini sebagai sesuatu yang signifikan agar masyarakat di luar sana mengetahui kewujudan Mastera ini bersama kegiatan-kegiatannya dan seterusnya Mastera diiktiraf oleh negara luar dan antarabangsa.

Kejayaan pelaksanaan projek dan aktiviti Mastera di atas adalah berdasarkan Pelan Strategik Mastera 2016 - 2020, iaitu memantapkan fungsi negara anggota Mastera bagi memastikan proses memartabatkan Sastera Melayu / Indonesia sama ada di peringkat negara maupun peringkat antarabangsa berjalan dengan tersusun serta dapat dilaksanakan secara efektif. Peramba / kaola / saya dimaklumkan bahawa Mastera telah mengusulkan satu Pelan Strategik Mastera yang baharu bagi Tahun 2023 - 2027 bagi menggantikan Pelan Strategik Mastera 2016 - 2020. Peramba / kaola / saya difahamkan bahawa tinjauan semula Pelan Strategik Mastera (2023 -

2027) adalah bertujuan supaya pelaksanaan program / projek / acara Mastera dapat diselaraskan supaya negara-negara angota dapat memaksimumkan kecekapan dan memastikan keberkesanan program-program Mastera untuk jangka masa panjang.

InsyaaAllah, pada malam ini juga akan turut diadakan penyampaian Anugerah Sastera Mastera kepada empat orang tokoh sasterawan yang dinilai dari setiap negara angota Mastera, iaitu NBD, Indonesia, Malaysia dan Singapura. Anugerah ini merupakan sebuah pengiktirafan besar daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sekali gus menandakan sokongan dan dukungan yang jelas kepada dunia kesusasteraan, terutama sekali kepada tokoh-tokoh sastera yang memberikan sumbangan yang signifikan. Anugerah ini bukan sahaja sebagai simbol kejayaan peribadi para penerima, tetapi juga merupakan pengiktirafan dan penghargaan terhadap komitmen yang telah diberikan selama ini dalam dunia penulisan dan kegiatan Sastera Melayu. Dalam kesempatan ini, peramba / kaola / saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada keempat-empat orang tokoh sastera yang akan menerima Anugerah Sastera Mastera nanti.

>> Muka 11

WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER MASIHI	HARI	RABIULAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
16	RABU	12	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.06	7.16
17	KHAMIS	13	4.38	4.48	6.05	6.28	12.07	3.24	6.06	7.15
18	JUMAAT	14	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
19	SABTU	15	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
20	AHAD	16	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
21	ISNIN	17	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
22	SELASA	18	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
31 °C 24 °C Pekan Bangar	32 °C 25 °C Pekan Tutong	31 °C 25 °C Kuala Belait
31 °C 24 °C Pekan Bangar	32 °C 24 °C Pekan Tutong	31 °C 24 °C Kuala Belait
30 °C 25 °C Wallahualam Bissawab	32 °C 25 °C Wallahualam Bissawab	31 °C 24 °C Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

16 OKTOBER 2024

Allah kurniakan sesuatu yang diperlukan

AGAMA Islam menuntut umatnya untuk mencari nafkah agar dapat meneruskan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Berusaha untuk mencari rezeki yang halal adalah diwajibkan oleh syarak. Namun ada di antara kita yang berasa gelisah kerana tidak mendapat rezeki yang mencukupi untuk keperluan hidup walhal dia telah berusaha dengan bersungguh-sungguh.

Cukup ataupun tidak rezeki yang kita terima itu bukanlah diukur dengan kuantitiya semata-mata tetapi yang penting ialah keberkatananya. Nikmat keberkatan akan semakin dirasai apabila dimanfaatkan ke arah kebaikan serta digunakan ke jalan yang direday Allah Subhanahu Wata'ala.

Perlu diingat, tanpa keberkatan, rezeki yang banyak sekalipun manusia tidak akan berasa cukup dan puas. Secara zahirnya, untuk menggapai rezeki dan kejayaan dalam kehidupan, seseorang itu perlulah berusaha dan berikhtiar untuk bekerja dengan gigih dan bersungguh-sungguh.

Kemudian, seseorang itu perlu memiliki ilmu dan kemahiran sesuai dengan bidang pekerjaan dan tidak mudah berputus asa dengan bangkit semula jika ditimpah kegagalan atau ujian. Apa yang penting, apa sahaja bidang pekerjaan yang diceburi sama ada berkhidmat dengan kerajaan, swasta, usahawan, peniaga, pekerja dan sebagainya hendaklah dipastikan rezeki yang didapatkan itu benar-benar halal dan tidak menyimpang dari landasan hukum syarak.

Selain secara zahir, kunci meraih rezeki yang luas dan berkat juga berkait rapat bagaimana hubungan seseorang hamba dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu, kita diperintahkan bukan sahaja setakat memakan rezeki yang halal dan baik tetapi juga menjaga hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala dengan ketaatan, kepatuhan dan kehambaan yang berterusan.

Sebagaimana yang dijelaskan dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini yang bertajuk, 'Kunci Pembuka Pintu Rezeki' terus menekankan bahawa rezeki yang kita peroleh ini adalah milik Allah Subhanahu Wata'ala dan Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang sahaja lah yang berhak mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

Oleh yang demikian, apa yang penting dalam mencari rezeki itu ialah membentulkan niat bekerja kerana Allah Subhanahu Wata'ala dan untuk menanggung serta mencukupkan keperluan diri sendiri dan orang-orang yang berada di bawah tanggungan kita serta digunakan ke jalan yang direday Allah Subhanahu Wata'ala.

Kita dilarang menyalahkan takdir jika rezeki yang dihajati masih belum diperoleh sedangkan telah banyak berdoa dan amalan sudah dilakukan. Ini kerana adakalanya Allah Subhanahu Wata'ala tidak mengurniakan sesuatu yang diminta tetapi Allah mengurniakan sesuatu yang diperlukan.

Kita wajib meyakini bahawa setiap kita mempunyai bentuk rezeki yang berbeza-beza dan Allah Subhanahu Wata'ala sahajalah yang mengetahui hikmah dan sebab di sebalik setiap pemberian. Bersama-sama lah kita berdoa semoga kita semua dikurniakan rezeki yang mencukupi dan berkat, kita kuatkan tekad dan tawakal sambil berusaha dan berikhtiar tanpa putus asa. - Ketua Penyuntingan (Zk)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اولہ جاتن قراغن، جاتن فردان منtri دان ڈچیتو اولہ فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN UCAPKAN SELAMAT BERANGKAT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menyembahyang selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII (Ke-17), Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah yang menamatkan Keberangkatan Negara selama tiga hari di Negara Brunei Darussalam (kanan), manakala gambar kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

>> Muka 1

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ialah Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Al-Haj ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bersama-sama Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dari The Empire Brunei menuju ke LTAB.

Sebelum berangkat dari tempat persemayaman berkenaan (The Empire Brunei), Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad, Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

Awang Abdul Aziz bin Juned. Hadir sama di LTAB bagi menyembahyang selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji

Mohd. Yussof selaku Menteri Pengiring serta Pembesar-pembesar Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kunjungan tersebut adalah Lawatan Negara pertama ke NBD sejak Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menaiki takhta pada 31 Januari lalu. Lawatan itu juga dilihat signifikan dengan Ulang Tahun Penubuhan Hubungan Diplomatik antara NBD dan Malaysia Ke-40.



KEBAWAH DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong menamatkan Keberangkatan Negara selama tiga hari di Negara Brunei Darussalam (atas dan bawah kiri), manakala gambar bawah kanan, mengiringi keberangkatan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ialah Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Al-Haj ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor.



Majlis Persantapan Diraja raikan Keberangkatan Negara

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah binti Haji Awang Sulaiman, Saerah Haji Abdul Ghani
 Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
 Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII (Ke-17), Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menghoskan Majlis Persantapan Diraja sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menghoskan Majlis Persantapan Diraja sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah, yang berlangsung di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman, malam tadi.

>> Muka 5

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menghoskan Majlis Persantapan Diraja sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah (atas dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta kerabat diraja (kiri). Manakala gambar bawah, berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



PADUKA-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Persantapan Diraja (atas kiri), manakala gambar atas tengah, antara yang hadir pada majlis berkeraan. Sementara gambar kanan, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berbual mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong (kiri), manakala gambar bawah, alunan lagu dan muzik pancaragam turut memenuhi ruangan Majlis Persantapan yang dipersembahkan oleh Orkestra Radio Televisyen Brunei.



>> Muka 4

Berangkat sama ke Majlis Persantapan Diraja tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik selaku Kerabat Diraja Pengiring dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Turut berangkat mengiringi

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ialah Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Al-Haj ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor. Majlis Persantapan Diraja dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abdul

Aziz bin Juned.

Alunan lagu dan muzik pancaragam turut memenuhi ruangan Majlis Persantapan yang dipersembahkan oleh Orkestra Radio Televisyen Brunei.

Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berada di negara ini bagi mengadakan Keberangkatan Negara selama tiga hari.

HUBUNGAN ERAT KERABAT DIRAJA NBD-MALAYSIA TERUS DIPERKUKUHKAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII (Ke-17), Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah ke Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman bagi Majlis Mengadap (kiri dan kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN,
Isnin, 14 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat bersama

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII (Ke-17), Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah ke

Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman bagi Majlis Mengadap.

Berangkat sama ke Majlis Mengadap berkenaan ialah kerabat diraja.

>> Muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berangkat bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman bagi Majlis Mengadap. Berangkat sama ke Majlis Mengadap berkenaan ialah kerabat diraja.

>> Muka 5

Turut berangkat mengiringi Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja

Permaisuri Agong ialah Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Ismail Abdul Rahman, Tunku Temenggong Johor.

Hubungan erat yang berterusan antara Kerabat Diraja Negara Brunei Darussalam

(NBD) dan Malaysia jelas kelihatan melalui keberangkatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong pada 20 Julai 2024 yang berlangsung di Kuala Lumpur, Malaysia.

Selain itu, Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga sering mengadakan kunjungan muhibah ke NBD dan menghadiri Istiadat-istiadat Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran, yang semakin mengeratkan lagi hubungan antara kedua-dua kerabat diraja.

Sejak menjalin hubungan diplomatik pada Januari 1984, NBD dan Malaysia menikmati hubungan kerjasama dua hala yang kukuh dan mesra dalam pelbagai bidang penting, termasuk perdagangan dan pelaburan, pertahanan, pendidikan, pelancongan dan kesalinghubungan serta kesihatan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berbual mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.



JUGA berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Ismail Abdul Rahman, Tunku Temenggong Johor (kiri).



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat bersama Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong bagi Majlis Mengadap. Turut berangkat, paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



SEKITAR keberangkatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri (atas).



ANTARA kerabat diraja yang berangkat pada Majlis Mengadap berkenaan (kiri dan kiri sekali).

BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN KENEGARAAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII (Ke-17), Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah naik ke Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat diiringi dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII (Ke-17), Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

Terdahulu sebelum itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke The Empire Brunei bagi mengalu-alukan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan seterusnya berangkat bersama-sama menuju ke Istana Nurul Iman.

Juga berangkat ke The Empire Brunei ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik selaku Kerabat Diraja Pengiring dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah. Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong di pekarangan Istana Nurul Iman, dan seterusnya sama-sama naik ke Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat diiringi dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dan 21 das tembakan meriam.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII kemudiannya beredar memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin

Brunei (ABDB).

Majlis Sambutan Kenegaraan diteruskan dengan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong disembahkenalkan kepada kerabat diraja, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, Timbalan-timbalan Menteri, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; Pemerintah ABDB, Ketua-ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam, Ahli-ahli MMN; dan Setiausaha-setiausaha Tetap dari JPM dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri serta pasangan

masing-masing.

Sebelum Majlis Mengadap, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudiannya disembahkenalkan kepada ahli-ahli rombongan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Turut berangkat mengiringi Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ialah Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Ismail Abdul Rahman, Tunku Temenggong Johor.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan paduka-paduka anakanda baginda disembahkenalkan kepada ahli-ahli rombongan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong disembahkenalkan kepada kerabat diraja dan rombongan dari Negara Brunei Darussalam (atas dan kanan). Manakala gambar kanan sekali, para pelajar mengibar bendera bagi mengalu-alukan ketibaan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.



UNISSA KOMITED MENJANA PEMBANGUNAN ROHANI, INTELEKTUAL

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



GADONG, Isnin, 14 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah berkenan berangkat ke Kampus Gadong, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), petang tadi.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Berangkat mengiringi Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dijunjung menuju ke Maktabah UNISSA.

Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan dalam sembah alu-aluan, antara lain menyembahkan kurikulum

UNISSA disusun dan digarap dengan menekankan komitmen pembangunan rohani dan intelektual dengan menjadikan kursus Al-Quran Al-Karim adalah kursus teras atau wajib universiti (University Required Course-URC) bagi semua peringkat pengajian.

Sembahnya lagi, hubungan UNISSA dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia boleh dikatakan sangat signifikan dan kehadiran para cendekiawan Malaysia sejak penubuhan UNISSA sedikit sebanyak membantu menyemarakkan lagi perkembangan UNISSA.

"Malah, ketika ini 24 peratus atau 11 tenaga akademik antarabangsa UNISSA adalah terdiri daripada warganegara Malaysia," sembahnya.

Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan seterusnya menyembah bahawa UNISSA giat melaksanakan penyelidikan berimpak tinggi secara kolaboratif bersama negara serantau terutama dengan IPT di Malaysia menerusi pemeteraian sebanyak 33 buah penyelidikan bersama 15 buah universiti Malaysia.



Sebanyak 19 buah buku berkaitan dengan adat istiadat diraja, kesultanan, kemahkotaan, Istiadat Pertabalan dan Istana Negara yang menjadi lambang kedaulatan serta keagungan raja-raja Melayu disumbangkan oleh Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Buku-buku berkenaan ditempatkan sebagai satu koleksi khas di Perpustakaan UNISSA dan dinamakan 'Sudut Buku Malaysia', yang akan memberi manfaat besar kepada tenaga akademik dan pelajar UNISSA khususnya serta rakyat dan penduduk di negara ini amnya.

Seterusnya, Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dijunjung untuk beredar menyaksikan pameran yang bermula di Galeri Al-Imtiaz yang memperkenalkan perjalanan UNISSA dalam mencapai kegemilangan.

Pameran berkenaan bermula dengan sejarah awal universiti, menyoroti peristiwa-peristiwa penting dalam pembangunannya sebagai sebuah institusi terkemuka, yang dipandu oleh

aspirasi serta gagasan Kebawah DYMM Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong kemudian berkenan menyaksikan Pameran Hubungan Kerjasama antara UNISSA bersama Institusi-institusi Pendidikan Tinggi Malaysia termasuk penyelidikan, buku-buku terbitan, anjuran persidangan bersama, Program Khidmat Masyarakat Al-Qudwah di Malaysia, Program Mobiliti penuntut UNISSA ke IPT Malaysia, Pertandingan Antarabangsa Pidato dan Pertandingan Pesta Pantun antara IPT Negara Brunei Darussalam.

Turut menarik perhatian Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong adalah Projek Penyelidikan Studio Mushaf Digital, iaitu sebuah studio yang melibatkan proses teliti dalam menghasilkan naskhah Al-Quran tulisan tangan.

Projek berkenaan adalah merupakan gabungan tradisi dan kemodenan, dengan seni kaligrafi

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah berkenan berangkat ke Kampus Gadong, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah (kiri sekali dan kiri).

Al-Quran bertemu dengan penyelidikan kontemporari.

Studio Mushaf Digital adalah inisiatif penting di bawah projek penyelidikan Mushaf Digital yang telah diwujudkan dengan tujuan utama untuk merekodkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran, berikutkan kejayaan Projek Mushaf UNISSA yang lepas.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong menerima pesambahan daripada pihak UNISSA dan kemudian berkenan menyampaikan cenderamata kepada pihak UNISSA.

Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong juga turut berkesempatan beramah mesra bersama tenaga akademik dan para pelajar Malaysia.

Keberangkatan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke UNISSA adalah sempena Keberangkatan Negara pertama bersama Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII (Ke-17), Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar ke REPUBLIK RAKYAT CHINA

YTM adakan lawatan ke Republik Rakyat China

Siaran Akbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan bergambar bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping di The Great Hall of The People (atas), manakala gambar kiri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menghadiri China International Friendship Conference and Commemorative Events marking the 70th Anniversary of the Chinese People's Association for Friendship with Foreign Countries.

REPUBLIC RAKYAT CHINA, Isnin, 14 Oktober. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Republik Rakyat China bagi menghadiri China International Friendship Conference and Commemorative Events marking the 70th Anniversary of the Chinese People's Association for Friendship with Foreign Countries (CPAFFC) pada 10 hingga 12 Oktober 2024 yang lalu.

Lawatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna ini adalah atas jemputan Presiden CPAFFC, Tuan Yang Terutama Yang Wanming.

Pada 11 Oktober 2024, Yang Teramat Mulia juga berkenan berangkat menghadiri satu perjumpaan bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan

People's Association for Friendship with Foreign Countries (CPAFFC) pada 10 hingga 12 Oktober 2024 yang lalu.

Lawatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna ini adalah atas jemputan Presiden CPAFFC, Tuan Yang Terutama Yang Wanming.

Pada sebelah petang, YTM telah berangkat menghadiri persidangan tersebut di mana

Yang Terutama Xi Jinping di The Great Hall of The People bagi ketua-ketua delegasi asing ke China International Friendship Conference.

Semasa mesyuarat tersebut, Presiden Republik Rakyat China, TYT Xi Jinping dalam ucapan, menekankan mengenai kepentingan hubungan antara rakyat dalam mewujudkan a shared future for mankind.

Pada sebelah petang, YTM telah berangkat menghadiri persidangan tersebut di mana

Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng; Presiden CPAFFC, TYT Yang Wanming serta beberapa pembesar-pembesar asing termasuk YTM telah berkenan memberikan ucapan.

Sejurus selepas itu, YTM menghadiri Majlis Makan Malam yang telah dihoskan oleh Member of the Political Bureau of the Central Committee of the Communist Party of China, Director of the Office of the Central Commission for Foreign Affairs

dan Menteri Luar Negeri Republik Rakyat China, TYT Wang Yi.

Pada 12 Oktober 2024, YTM berangkat menghadiri Santap Tengah Hari yang telah dihoskan oleh Presiden China-ASEAN Association, Puan Yang Terutama Madame Gu Xulian di Grand Hotel Beijing. Turut mengiringi YTM sepanjang lawatan ke Beijing ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

SEMANGAT BERPASUKAN JAYAKAN PESTA KONVO IBTE 2024



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan Pesta Konvo IBTE 2024 (atas, bawah kanan dan bawah kiri).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 15 Oktober. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) mengadakan Pesta Konvo IBTE 2024 bersempena dengan Majlis Konvokesyen IBTE Ke-32 bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis dan seterusnya merasmikan Pesta Konvo IBTE 2024 ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif IBTE dan Pengarah Pendidikan Teknik, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli selaku Pengurus Majlis dalam ucapan alu-aluananya antara lain berkata,

Pesta Konvo diadakan bagi menandakan bermulanya acara Majlis Konvokesyen.

Walau bagaimanapun tekannya, perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan aktiviti semasa acara memerlukan komitmen dan kerja keras daripada mereka yang terlibat.

Jelasnya lagi, semangat berpasukan oleh para pelajar dan kakitangan yang bekerja tanpa jemu dapat dilihat untuk

menjayakan Pesta Konvo IBTE.

Majlis kemudian diteruskan dengan Pelancaran Pesta Konvo IBTE 2024 dan diteruskan dengan penyampaian sijil penyertaan kepada syarikat-syarikat yang ikut serta yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Pesta Konvo IBTE 2024 ini adalah salah satu majlis yang disambut setiap tahun sebelum bermulanya Majlis Konvokesyen IBTE.

Antara perisian acara Pesta Konvo ialah termasuk Majlis



Bakti anak setelah ibu bapa tiada

منجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كولان فوسة دعوه اسلاميه

BAKTI anak kepada kedua ibu bapanya akan tetap berterusan walaupun mereka telah meninggal dunia. Meninggalnya kedua ibu bapa bukanlah menjadi penghalang bagi diri seorang anak itu untuk terus berbakti kepada keduanya. Peluangnya masih ada untuk meneruskan khidmat dan baktinya. Di saat akhir kematian kedua ibu bapanya, anak-anak hendaklah menyempurnakan jenazah kedua ibu bapanya dengan sebaiknya menurut tuntutan syarak.

Mereka hendaklah turut serta dalam hal ehwal urusan jenazah kedua orang tuanya itu, bermula daripada memandikan, mengkafarkan, menyembahyangkan sehingga sempurna mereka disemadikan.

Seorang anak yang soleh akan sentiasa ingat untuk mendoakan serta memohon keampunan bagi keduanya apabila mereka telah tiada. Di dalam sebuah hadis ada menyatakan, iaitu Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Barang siapa menziarahi kubur kedua

ibu bapanya atau salah seorang daripada keduanya pada setiap hari Jumaat, maka diampunkan dosanya dan ditulis sebagai orang yang telah berbakti".

Selain memohon rahmat dan keberkatan bagi kedua ibu bapa yang telah meninggal dunia, seorang anak juga mampu untuk terus melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh kedua ibu bapanya, iaitu menunaikan wasiat dan melaksanakan janji-janji yang telah dibuat semasa hayat mereka. Contohnya semasa hayat kedua ibu bapanya, mereka bercita-cita untuk melakukan sesuatu kebaikan seperti mereka berwasiat supaya harta peninggalannya dibahagi dan diberikan kepada salah seorang warisnya atau disedekahkan kepada fakir miskin dan anak-anak yatim.

Akan tetapi, sebelum semuanya ditunaikan, mereka telah kembali menghadap Allah Subhanahu Wata'ala. Sudah pasti tanggungjawab melaksanakannya terletak di tangan anak-anak yang masih hidup. Adalah menjadi bakti bagi seorang anak kepada kedua ibu bapanya yang telah meninggal dunia apabila wasiat dan janji-janji mereka ditunaikan. Ini disebutkan di dalam sebuah hadis Imam Ibnu Majah dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Abu Usaid Malik bin Rabi'ah, bahawa Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Ya, kamu sembahyangkan jenazah keduanya, memohon keampunan untuk keduanya, melaksanakan janji-janji keduanya setelah keduanya meninggal dunia, memuliakan sahabat handai keduanya dan menyambung hubungan silaturahim yang tidak pernah terjalin kecuali kerana keduanya".

Jika semasa hayat kedua ibu bapa ada mempunyai hutang maka menjadi tanggungjawab seorang anak yang ingin terus berbakti kepada kedua ibu bapanya yang telah meninggal dunia untuk membayarkan hutang-hutang keduanya melalui harta yang ditinggalkan oleh mereka atau menggunakan hartanya sendiri jika ia berkemampuan.

Amal bakti yang dilakukan oleh seorang anak terhadap kedua ibu bapanya sebenarnya amat kecil. Ia tidak akan mampu sepenuhnya untuk membala jasa kedua ibu bapanya biarpun dia berbakti sepanjang hayatnya. Namun hakikatnya tanggungjawab anak-anak dalam melaksanakan hak-hak ibu bapanya adalah hak yang paling penting dan utama sesudah menunaikan hak Allah Subhanahu Wata'ala dan rasul-Nya.

Meminang Perempuan Yang Telah Dipinang

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PEMINANGAN dalam bahasa Arab ialah *khithbah*. Maksud *khithbah* atau peminangan dari sudut syara' ialah pernyataan keinginan peminang (*khatib*) untuk bernikah kepada pihak yang dipinang (*makhthubah*), sama ada pihak yang dipinang itu perempuan yang hendak dipinang itu sendiri atau wali perempuan tersebut atau selain keduanya.

Peminangan merupakan suatu perbuatan yang sabit dilakukan oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam berdasarkan hadits daripada 'Urwah Radhiallahu 'anhу berkata:

Maksudnya: Sesungguhnya Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam telah meminang 'Aisyah (dengan mengajukan peminangan Baginda itu) kepada Abu Bakr.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Dalam hadits yang lain, 'Abdullah bin 'Umar Radhiallahu 'anhuma menceritakan bahawaketika Sayyidina 'Umar Radhiallahu 'anhу mencari calon suami untuk anak beliau Sayyidatina Hafshah Radhiallahu 'anhа yang menjadi janda, Sayyidina 'Umar Radhiallahu 'anhу berkata:

Maksudnya: Aku telah mendatangi 'Utsman bin 'Affan lalu aku menawarkan Hafshah (anakku) kepadanya. Lalu beliau ('Utsman) berkata: "Aku akan melihat dalam urusanku (memikirkannya)". Lalu aku pun menunggu beberapa malam sehingga kemudiannya dia menemuiku, lalu berkata: "Sesungguhnya telah nyata kepadaku untuk tidak berkahwin pada hari ini." (Abdullah bin 'Umar menceritakan lagi) 'Umar berkata: Lalu aku menemui Abu Bakr as-Shiddiq, aku berkata: "Jika engkau mahu, aku kahwinkan engkau dengan Hafshah binti 'Umar." Abu Bakr diam dan dia tidak memberikan sesuatu jawapan pun kepadaku dan dia membuatku sangat marah kepadanya mengatas (kemarahanaku) ke atas 'Utsman. Lalu aku menunggu beberapa malam sehingga kemudiannya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam meminangnya (Hafshah), maka aku pun menikahkannya (Hafshah) dengan Baginda.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Menurut para ulama, seorang lelaki harus meminang perempuan yang belum bernikah dan perempuan yang tidak menjalani 'iddah. Manakala perempuan

yang bersuami pula, maka haram hukumnya bagi seorang lelaki meminangnya. Bagaimana pula hukum meminang perempuan yang telah dipinang? Irsyad Hukum kali ini akan memberikan penjelasan mengenainya.

Hukum seorang lelaki meminang perempuan yang telah dipinang tertakluk kepada dua keadaan, iaitu sama ada pinangan awal telah diterima oleh pihak yang dipinang dengan lafaz yang jelas menunjukkan penerimaan pinangan (*tashrih*) atau pinangan awal belum diterima atau ditolak oleh pihak yang dipinang.

1. Pinangan Awal Diterima Dengan Lafaz *Tashrih*.

Jika pinangan yang dilakukan oleh peminang awal diterima oleh pihak yang dipinang dengan lafaz *tashrih*, maka haram hukumnya bagi peminang kedua meminang perempuan yang telah dipinang (tunang) kecuali peminang awal mengizinkannya atau peminang awal meninggalkan tunangnya. Perkara ini dijelaskan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Raudhah ath-Thalibin*:

Ertinya: Haram peminangan di atas peminangan orang lain selepas jelas penerimaannya (oleh pihak yang dipinang), melainkan jika orang lain itu (peminang awal) mengizinkan (peminang kedua meminangnya) atau dia (peminang awal) meninggalkan (perempuan yang dipinangnya itu).

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, termasuk juga dalam pengharaman ini peminangan seorang Islam ke atas tunang orang bukan Islam yang *muhtaram* (selain *kafir harbiy* dan orang *murtad*). Adapun meminang tunang *kafir harbiy* atau tunang orang *murtad*, maka tidak diharamkan kerana telah gugur haknya.

Pengharaman meminang tunang orang lain itu berdasarkan hadits daripada Ibn 'Umar Radhiallahu 'anhuma, beliau berkata:

Maksudnya: Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam mlarang kamu membeli atas belian orang lain, dan jangan seorang lelaki meminang atas pinangan saudaranya sehingga peminang sebelumnya (peminang awal) meninggalkan (perempuan yang telah dipinangnya) atau peminang (awal tersebut) memberi izin baginya (untuk meminang).

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* ketika mensyarah hadits di atas dalam

kitabnya *al-Minhaj Fi Syarh Shahih Muslim*, larangan dalam hadits tersebut ialah larangan yang berbentuk haram berdasarkan ijma' ulama jika pinangan daripada peminang awal itu telah diterima dengan lafaz *tashrih* oleh pihak yang dipinang dan peminang awal tidak memberi izin untuk lelaki lain meminang perempuan tersebut dan peminang awal itu tidak meninggalkan perempuan tersebut.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, pengharaman tersebut adalah kerana meminang tunang orang lain itu adalah sesuatu yang menyakiti dan memutus silaturahim.

Menurut asy-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*, pengharaman meminang tunang orang lain adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

1. Peminang mengetahui bahawa perempuan yang hendak dipinang sudah dipinang oleh orang lain dan pinangan tersebut telah diterima dengan lafaz *tashrih*.

Menurut asy-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini *Rahimahullah* lagi, penerimaan terhadap suatu pinangan itu diambil kira apabila ia dibuat oleh perempuan yang dipinang itu sendiri iaitu jika perempuan tersebut diambil kira izinnya (*ghair mujbirah*) atau oleh walinya jika perempuan itu tidak diambil kira izinnya (*mujbirah*) atau oleh perempuan itu bersama walinya jika peminang itu tidak sekufu atau oleh raja jika perempuan itu gila dan sudah baligh yang tidak mempunyai bapa dan nenek.

1. Peminang mengetahui keharaman meminang tunang orang lain.

2. Peminangan yang dilakukan oleh peminang awal itu adalah peminangan yang harus dilakukan di sisi syara'.

Menurut as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya *I'anah ath-Thalibin*, termasuk dalam maksud peminangan yang harus itu ialah peminangan yang dihukumkan makruh seperti peminang awal tidak mampu menyediakan perbelanjaan dan tidak lagi mempunyai keinginan untuk bernikah.

Oleh itu, jika tidak berlaku syarat-syarat tersebut seperti peminangan oleh peminang awal ditolak oleh pihak yang dipinang atau peminangan pertama dijawab dengan lafaz *tashrih* namun peminang kedua tidak mengetahuinya atau peminang kedua tidak mengetahui pengharamannya atau peminang kedua mengetahui pengharamannya namun dia tidak mengetahui bahawa peminangan pertama telah diterima dengan lafaz *tashrih* atau peminangan yang dilakukan oleh peminang awal diharamkan oleh syara' seperti peminang awal meminang perempuan dalam 'iddah kerana diceraui suaminya (bukan peminang awal), maka peminangan oleh peminang kedua yang dilakukan dalam kesemua keadaan ini dihukumkan tidak haram sebagaimana yang dijelaskan oleh asy-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*.

Peminangan yang dilakukan oleh peminang kedua juga tidak dihukumkan haram jika peminang awal telah memberi izin kepada peminang kedua dan keizinan tersebut bukan diberikan kerana takut atau malu kepada peminang kedua atau peminang awal dengan rela hati meninggalkan perempuan yang dipinangnya itu atau pihak yang menerima pinangan menjauhkan diri daripada peminang awal atau peminang awal menjauhkan diri daripada perempuan yang dipinangnya seperti peminang awal

PEMINANGAN yang dilakukan oleh peminang kedua juga tidak dihukumkan haram jika peminang awal telah memberi izin kepada peminang kedua dan keizinan tersebut bukan diberikan kerana takut atau malu kepada peminang kedua atau peminang awal dengan rela hati meninggalkan perempuan yang dipinangnya itu atau pihak yang menerima pinangan menjauhkan diri daripada perempuan yang dipinangnya seperti peminang awal melakukan pelayaran yang jauh sehingga menyebabkan terputus perhubungan di antara peminang awal dengan perempuan yang dipinang.



IRSYAD HUKUM

جناح مفتى كل جان
جناح فرقان مفتى كل جان دارالسalam

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

melakukan pelayaran yang jauh sehingga menyebabkan terputus perhubungan di antara peminang awal dengan perempuan yang dipinang. Perkara ini dijelaskan oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*.

1. Pinangan Awal Belum Diterima Atau Ditolak.

Jika peminangan yang dilakukan oleh peminang awal belum diterima dan belum juga ditolak oleh pihak yang dipinangnya itu dengan lafaz *tashrih*, umpamanya pihak yang dipinang itu hanya berdiam diri dan orang yang diam itu pula bukan anak dara yang boleh diambil kira diamnya, maka tidak haram hukumnya bagi peminang kedua meminang perempuan yang telah dipinang oleh peminang awal. Menurut ulama, termasuk juga dalam hal ini peminangan yang dijawab dengan lafaz yang tidak jelas menunjukkan penerimaan atau penolakan pinangan (*ta'idh*) seperti perempuan yang dipinang berkata kepada peminang awal: "Aku tidak membencimu". Perkara ini dijelaskan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Minhaj ath-Thalibin*, katanya:

Ertinya: Jika (pinangan dari peminang awal) tidak diterima dan tidak ditolak (dengan lafaz *tashrih*), tidak haram (meminangnya) menurut pendapat al-azhar.

Perkara tersebut disandarkan kepada hadits daripada Fathimah binti Qais Radhiallahu 'anhу, beliau menceritakan bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam memerintahkan beliau untuk menjalani 'iddah setelah beliau ditalak oleh suaminya Abu 'Ami bin Hafsh Radhiallahu 'anhу. Apabila beliau telah selesai menjalani 'iddah, beliau menghabiskan kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan Abu Jahm Radhiallahu 'anhuma kedu-duanya meminang beliau, maka Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Adapun Abu Jahm, maka dia tidak meletakkan tongkatnya daripada bahunya (selalu memukul perempuan). Adapun Mu'awiyah, maka dia itu seorang yang fakir, tiada harta baginya. Engku nikahilah Usamah bin Zaid.

(Hadits riwayat Muslim)

Menurut asy-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*, hadits di atas menjelaskan bahawa Abu Jahm dan Mu'awiyah Radhiallahu 'anhuma kedua-duanya telah meminang Fathimah binti Qais Radhiallahu 'anhу. Namun Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam meminang Fathimah binti Qais Radhiallahu 'anhу setelah beliau dipinang kerana Fathimah binti Qais Radhiallahu 'anhу belum menerima mana-mana pinangan dari Abu Jahm dan Mu'awiyah Radhiallahu 'anhuma.

Demikian penjelasan mengenai meminang perempuan yang telah dipinang.

PESTA KONVO PB KE-10 DIRASMIKAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ihsan Politeknik Brunei



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Oktober. - Bagi sama-sama meraikan kejayaan graduan Politeknik Brunei (PB), Pesta Konvo bersempena Majlis Konvokesyen PB Ke-10 dilancarkan pagi tadi di Pusat Sehenti Aras 2, di pusat berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan acara berkenaan ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal II),

kerja yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing untuk Wawasan Brunei 2035.

Sejurus pelancaran berkenaan, tetamu kehormat dijemput bagi menyaksikan aktiviti-aktiviti dan pameran-pameran yang disediakan. Pesta Konvo ini akan berlangsung selama tiga hari bermula 14 hingga 16 Oktober 2024 di mana Hari Pasaran (Market Day) tahun ini merupakan kali kedua ia diadakan untuk memeriahkan lagi Pesta Konvo PB.

Hari Pasaran ini menjadi platform bagi agensi-agensi kerajaan dan swasta untuk menawarkan peluang-peluang pekerjaan kepada graduan-graduan PB. Antara aktiviti yang diadakan adalah Pameran Projek Tahun Akhir (Final Year Projects, FYP) pelajar-pelajar PB; Market Day 2024 di mana 14 agensi swasta telah turut serta pada tahun ini dan sebanyak tiga agensi swasta akan menawarkan temu duga terbuka.

Selain itu, Klinik Penulisan CV dan Temu Duga juga diadakan dan dikendalikan oleh Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) serta tenaga pengajar PB; beberapa ceramah dan sesi perkongsian dari Brunei Economic Development Board (BEDB), Shell LiveWIRE Brunei



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Fiskal II), Kementerian Kewangan dan Ekonomi hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan acara berkenaan (atas), manakala gambar kiri, antara yang menyertai acara tersebut.

dan Ahli Alumni PB serta Kempen Derma Darah pada 16 Oktober 2024.

Pesta Konvo akan diakhiri dengan Majlis Penghargaan Graduan PB yang akan diadakan pada 17 Oktober 2024 di Jerudong Park Amphitheatre dan majlis penutup berkenaan dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis Perwakilan Pelajar, PB untuk

memberi penghargaan serta meraikan kejayaan yang diperoleh.

Pesta Konvo 2024 juga akan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di Masjid Universiti Brunei Darussalam. Majlis Konvokesyen PB Ke-10 akan diadakan pada 24 Oktober 2024 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Qari, qariah NBD berjaya raih tempat ke-5



PESERTA qari dan qariah Negara Brunei Darussalam, iaitu Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki; dan Dr. Hajah Siti Wardah binti Mejari (B) Haji Abdul Rahman yang mewakili negara ini pada Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-64, di Kuala Lumpur, Malaysia yang telah diadakan dari 5 hingga 12 Oktober 2024 lalu selamat tiba di negara ini.

Berita dan Foto : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Isnin, 14 Oktober. - Peserta qari dan qariah Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki dan Dr. Hajah Siti Wardah binti Mejari (B) Haji Abdul Rahman yang mewakili negara ini pada Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-64, di Kuala Lumpur, Malaysia yang telah diadakan dari 5 hingga 12 Oktober 2024 lalu selamat tiba ke NBD petang tadi.

Hadir bagi mengalung-alungan kepulangan rombongan berkenaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), Naib

Canselor Universiti Teknologi Brunei, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; serta pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan dari KHEU.

Peserta qari dan qariah negara telah meraih tempat kelima pada Majlis Tilawah dan Hafazan

Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-64, Kuala Lumpur, Malaysia, dengan Pengiran Muhammad Amirul Aiman mendapat markah 91.13 peratus, manakala Dr. Hajah Siti Wardah pula berjaya mengutip markah 87.59 peratus.

Kepulangan peserta qari dan qariah negara diiringi oleh pembimbing merangkap Pengurus Rombongan, Awang Mohammad Noor bin Haji Ibrahim dan pegawai pengiring perempuan, Dayang Hajah Nor Ismah Fatin Faridah binti Haji Rosna.

Doa Selamat dan Kesyukuran dibacakan oleh Imam Surau LTAB, Awang Haji Mohamad Aduka bin Haji Abdul.

HALUAN

>> Muka 2

Sebelum mengakhiri ucapan, peramba / kaola / saya mengambil kesempatan mengucapkan selamat bersidang kepada ketua-ketua perwakilan dan delegasi dari Indonesia, Malaysia dan Singapura. Semoga Mastera berjaya mencapai visi yang dirancang demi masa depan Sastera Melayu yang lebih gemilang. Peramba / kaola / saya juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penaja, persatuan-persatuan NGO, ahli jawatankuasa kerja dan semua yang terlibat dalam menjayakan majlis pada malam ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan ganjaran pahala atas usaha, pemikiran dan sumbangan tenaga yang telah diberikan.

Untuk akhirnya, 'Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan dengan kalimah agung Bismillahir Rahmani Rahim, peramba / kaola / saya dengan suka cita merasmikan Sidang Mastera Ke-28 dan Rangkaian Kegiatannya bagi Tahun 2024 dan seterusnya melancarkan buku-buku terbaru terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka'.

Sekian. Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KAJIAN SEBAGAI PENANDA ARAS PENTING BAGI PEMANTAUAN KEMAJUAN NEGARA



PEMANGKU Ketua Pengarah JPES, Awang Hairol Nizam bin Haji Abdul Hamid; dan Ketua Eksekutif AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar semasa hadir pada Majlis Upacara Angkat Sumpah bagi 76 pegawai kajian yang dilantik oleh JPES dan 76 pegawai kajian dari pihak AITI (atas). Manakala gambar atas kanan, Pemangku Ketua Pengarah JPES, Awang Hairol Nizam semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

>> Muka 1

Manakala, objektif Kaji Selidik ICT 2024 pula adalah untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai akses dan penggunaan ICT serta kemahiran digital di kalangan isi rumah dan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang mana akan digunakan untuk penyediaan dasar dan inisiatif berkaitan dengan pertumbuhan Sektor ICT bagi mendukung perkembangan ekonomi negara.

Majlis Upacara Angkat Sumpah bagi 76 pegawai kajian yang dilantik oleh JPES dan 76 pegawai kajian dari pihak AITI telah diadakan pada 30 September 2024 dan disaksikan oleh Pemangku Ketua Pengarah JPES, Awang Hairol Nizam bin Haji Abdul Hamid; dan Ketua Eksekutif

AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar.

Dalam ucapan alu-aluan, Pemangku Ketua Pengarah JPES menekankan komitmen pegawai kajian yang dilantik untuk menjaga kerahsiaan maklumat serta memastikan semua maklumat yang diperoleh tidak akan didedahkan kepada pihak yang tidak berkaitan.

JPES telah memberikan latihan kepada pegawai kajian mengenai teknik menemui duga dan etika tingkah laku semasa berjumpa dengan isi rumah dalam meningkatkan keberkesanan kemahiran berkomunikasi bagi memastikan data yang dikumpul adalah tepat dan berkualiti.

Kira-kira 3,200 buah isi rumah terpilih di seluruh negara akan terlibat dengan kedua-dua kajian ini, yang mana pegawai kajian

akan menemui duga isi rumah secara bersempena dengan menggunakan tablet untuk mendapatkan data dengan mudah dan efisien.

Hasil kedua-dua kajian ini akan memberikan gambaran corak dan isu-isu tenaga kerja termasuk trend pekerjaan yang terkini. Manakala Kaji Selidik ICT 2024 akan membantu dalam memahami perubahan corak dan trend dalam penggunaan teknologi dan perkembangan ekonomi digital di negara ini.

Pengumpulan data daripada kajian ini akan dijadikan sebagai penanda aras yang penting bagi memantau kemajuan negara dalam merealisasikan matlamat-matlamat di dalam Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat - matlamat

Pembangunan Mampan (SDGs).

Bagi memastikan proses temu duga berjalan dengan selamat dan lancar, isi rumah yang terpilih adalah dinasihatkan untuk mengesahkan identiti pegawai kajian dengan membuat pemeriksaan pas kajian, surat lantikan, kad pengenalan dan vest rasmi yang dipakai.

Isi rumah yang mempunyai haiwan peliharaan, terutamanya anjing, adalah disarankan untuk menempatkan haiwan peliharaan di tempat yang bersesuaian bagi tujuan keselamatan pegawai kajian semasa melaksanakan lawatan.

Kajian ini dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Penggal 81 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

JPES ingin memberikan

jaminan kepada semua isi rumah terpilih dalam kajian ini bahawa maklumat yang dikumpulkan akan disimpan sulit dan akan digunakan bagi keperluan perangkaan sahaja.

Menurut Seksyen 9 Akta Perangkaan, kegagalan atau keengganan untuk memberikan maklumat yang diperlukan atau memberikan maklumat palsu adalah menjadi satu kesalahan yang membawa hukuman denda sebanyak BND4,000.

Justeru itu, sokongan dan kerjasama semua isi rumah terpilih semasa kajian ini dijalankan adalah sangat diharapkan dan amat dihargai bagi sama-sama menjayakan kajian ini.

Sebarang pertanyaan mengenai KTK 2024, sila hubungi melalui telefon +673 7469844 (waktu pejabat), Isnin hingga Khamis dan Sabtu, jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang atau e-mel ke info.statistics@jpes.gov.bn atau layari laman sesawang deps.mofe.gov.bn.

Keadaan cuaca NBD diramalkan aktif

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

>> Muka 1

Kelajuan angin boleh meningkat sehingga 45kmsj semasa hujan lebat. Keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit, di bawah 1.0 meter (m). Namun, ia dijangka meningkat ke paras sederhana ke bergelora, antara 1.0 - 2.5m terutamanya di kawasan lepas pantai mulai 16 hingga 18 Oktober 2024.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang. Kejadian pokok tumbang, atap terbang dan tanah susur juga boleh berlaku semasa keadaan berangin kencang dan hujan lebat.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit kami iaitu Brunei WX kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114 atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook [@brunei.weather](https://www.facebook.com;bruneiweather) dan saluran Telegram : Brunei Weather.

Cungkil bakat, kebolehan para belia masjid

Siaran Akhbar dan Foto : Haji Norazalany Haji Md. Yassin

TEMBURONG, Selasa, 15 Oktober. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, Daerah Temburong dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong telah mengadakan Peraduan Membaca Khutbah bagi Belia-belia Masjid Daerah Temburong Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Seramai 11 orang dalam kalangan belia masjid Daerah Temburong telah menyertai pertandingan tersebut. Awang Mohamad Zulkhairi bin Mohamad Azamy dari Belia Masjid RPN Kampung Rataie Daerah Temburong dinobatkan sebagai juara pertandingan.

Antara tujuan peraduan ini diadakan adalah untuk menimbulkan sifat keberanian dalam diri belia untuk tampil di khalayak ramai. Selain itu, untuk



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang.

mengisi masa lapang para belia masjid kepada aktiviti-aktiviti yang lebih berfaedah seterusnya dapat melahirkan belia-belia masjid yang aktif di dalam aktiviti-aktiviti keagamaan.

Di samping untuk mencungkil bakat dan kebolehan para belia masjid, acara ini juga dihasrat dapat melahirkan pelapis-pelapis dari kalangan belia yang mungkin

akan menjadi pegawai masjid di masa akan datang.

Acara ini juga bertujuan untuk dijadikan salah satu kegiatan tahunan Masjid RPN Kampung Rataie Daerah Temburong sekali gus memilih wakil bagi daerah ini untuk menyertai peraduan membaca khutbah belia masjid pada peringkat kebangsaan nanti.

MENINGKATKAN KOMPETENSI, KUALITI PENGAJARAN GURU UGAMA



PEMANGKU Penolong Pengarah Pengurusan Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Dr. Roslena binti Pehin Datu Indera Sugara Dato Seri Laila Jasa Haji Johari semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta (atas). Sementara gambar kanan, pembentangan laporan implementasi daripada peserta program. Manakala gambar bawah kanan, antara peserta yang hadir pada program tersebut.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUNGKU, Selasa, 15 Oktober. - Kementerian Pendidikan petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Sijil bagi 30 peserta Program Pemantapan Pedagogi Guru Ugama : Meningkatkan Kompetensi Pengajaran Guru

dan Kualiti Pembelajaran Pelajar bertempat di Bilik Ruang Bicara Minda, Bangunan Utama Perpustakaan, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Majlis dimulakan dengan pembentangan laporan



implementasi daripada peserta program, yang terdiri daripada guru-guru ugama yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan.

Sejurus itu, majlis diakhiri dengan penyampaian sijil kepada para peserta yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Pengurusan Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Dr. Roslena binti Pehin Datu Indera Sugara Dato Seri Laila Jasa Haji Johari.

Antara tujuan utama program tersebut dilaksanakan adalah sebagai salah satu inisiatif untuk menyokong pengintegrasian mata pelajaran Ugama ke dalam Sistem Pendidikan Umum yang telah mula dilaksanakan pada 1 November 2023.

Objektif program adalah untuk menyediakan latihan khusus kepada guru-guru ugama bagi meningkatkan kompetensi dan kualiti pengajaran pedagogi mengikut kriteria berpusatkan pelajar (metodologi dan penilaian) dalam Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.

Selain itu, program tersebut juga dilaksanakan untuk mengaplikasikan pelbagai Alat Bantu Mengajar (ABM) termasuk penggunaan aplikasi terkini serta mengembangkan kecekapan peserta untuk menyelesaikan dan mengendalikan latihan serta bimbingan kepada guru-guru ugama yang lain di sekolah masing-masing dan kluster.

Program dilaksanakan melalui tiga fasa utama, di mana Fasa Pertama melibatkan penyampaian

perisian program selama 15 hari, bermula dari 4 Julai hingga 1 Ogos 2024.

Fasa Kedua pula memfokuskan kepada implementasi perisian di sekolah-sekolah selama enam minggu, iaitu dari 26 Ogos hingga 5 Oktober 2024.

Manakala, Fasa Ketiga telah melibatkan pembentangan laporan implementasi yang diadakan pada 14 dan 15 Oktober 2024.

Fasilitator-fasilitator utama bagi program berkenaan terdiri daripada pihak Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (SHBIE), UBD iaitu Penolong Profesor selaku penyelaras program, Pengiran Dr. Norhalzin binti Pengiran Haji Muhammad; Penolong Profesor, Dr. Haji Abu Bakar bin Haji Madin dan Dayang Hajah Zuriyatini binti Haji Zainal selaku Tutor program.

Turut menyertai program tersebut sebagai fasilitator jemputan ialah Pengiran Hajah Mashayu binti Pengiran Haji Yusof dari Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan.

Program berkenaan dianjurkan oleh Unit Tenaga Pengajar, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA), Jabatan Pengurusan Pendidikan, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama SHBIE, UBD dan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

106 pain darah berjaya dikumpul



ANTARA yang menyertai Kempen Derma Darah sempena Sambutan Hari Guru Ke-34 bagi Tahun 2024 (atas dan bawah).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Oktober. - Sebanyak 106 pain darah berjaya dikumpulkan semasa Kempen Derma Darah sempena

Sambutan Hari Guru Ke-34 bagi Tahun 2024 yang dianjurkan oleh Bahagian Beruniform dan Perkhidmatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum,



Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Bahagian Tabung Simpanan Darah, Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan.

Kempen Derma Darah yang berlangsung di Dewan Utama, Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan dibuka kepada warga Kementerian Pendidikan dan orang ramai bagi sama-sama menyumbangkan serta meningkatkan lagi stok bekalan darah khususnya dalam simpanan tabung Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS.

Antara objektif kempen berkenaan adalah untuk meningkatkan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menderma darah yang boleh menyelamatkan nyawa. Kempen Derma Darah tersebut juga adalah sebahagian daripada aktiviti untuk menyemarakkan lagi Sambutan Hari Guru Ke-34, bagi Tahun 2024.





1. Keterangan Projek:
One Time Cleaning Contract Of Building And Cleaning Services For Bangunan Perniagaan Kuala Belait (Bumiputra), Jalan Mckerron Kuala Belait

Bilangan Tawaran:
01 / BBS / OTCBCSBPKB / 2024 - 2025

2. Keterangan Projek:
Trees Cutting / Trimming At Gerai Bunga Simpur, Jalan Bunga Simpur, Kuala Belait

Bilangan Tawaran:
01 / BBS / TCTGBSJBS / 2024 - 2025

3. Keterangan Projek:
Supply And Delivery Of Dog Tags Identification For Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria



Bilangan Tawaran:
01 / BBS / TSDDITJBKBS / 2024 - 2025

Dibukakan Kepada Pemberong-Pemberong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup :
Selasa,
29 Oktober 2024.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran :
6 / BBS / SH(K) / 2024 - 2025

Keterangan Projek :
Membekalkan Peralatan Pejabat (Ink Cartridge) Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

Yuran Tawaran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
29 Oktober 2024.
Jam 2.00 Petang.



Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery (Testing) Of New Spares For Precision Air Conditioner, Department Of Civil Aviation

Bilangan Sebut Harga:
ATELS / 2024 / SH-15

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
16 Oktober 2024, Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
29 Oktober 2024, Selasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
30 Oktober 2024, Rabu.
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.



Tajuk Sebut Harga :
IPA / PENT / SVC / 388
Perkhidmatan Pengubahsuai Bilik Makmal Komputer

Tarikh Tutup Bagi Sebut Harga :
Selasa,
29 Oktober 2024.
Jam 9.00 Pagi.

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)



Divisyen Pengurusan Korporat Kementerian Pembangunan

Notis Sebut Harga

Bil. Sebut Harga :
(04/24) KPN / DPK / PROC / 2024 / 2025

Tajuk :
Sebut Harga Bagi Pembekalan Barang Pejabat Kegunaan Kementerian Pembangunan Selama Satu (1) Tahun (2024-2025)

Bayaran Yuran Dokumen Sebut Harga:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Rabu, 16 Oktober 2024.

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran (Secara Atas Talian):
Khamis, 31 Oktober 2024.

Tarikh Tutup Menghantar Dokumen:
Isnin,
4 November 2024.
Jam 9.00 Pagi.



Dibukakan Kepada Pemberong-Pemberong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III

Kategori:
M01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
29 Oktober 2024 (Selasa).

Tarikh Tutup:
12 November 2024 (Selasa).
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 27 / 2024

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi dan Kerja-Kerja Pemeliharaan Sistem Hawa Dingin Bagi Pejabat-Pejabat Jabatan Kerja Raya dan Sub-Ofis Di Daerah Brunei-Muara dan Daerah Tutong Bagi Tempoh Dua (2) Tahun (2024)

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada Pemberong-Pemberong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
III (II & III) sahaja

Kategori:
E01 & E02 Sahaja – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 010 / 2024 – (SEW).T.III

Nama Projek:
Kontrak Bermusim Dua Tahun Bagi Membekal, Menghantar dan Menanam Kabel Elektrik Masuk Baharu

Bagi Stesen Pengepam Kumbahan Di Kawasan Brunei Muara, Tutong dan Temburong

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
29 Oktober 2024.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
12 November 2024.
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang




Dibukakan Kepada Pemberong-Pemberong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V

Kategori:
M01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
29 Oktober 2024 (Selasa).

Tarikh Tutup:
12 November 2024 (Selasa).
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang.




Dibukakan Kepada Pemberong-Pemberong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V

Kategori:
M01 (With at least 1 valid Project Supervisor / Engineer registered under M01)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
29 Oktober 2024,
(Selasa).

Tarikh Tutup:
12 November 2024 (Selasa).
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang





Bilangan Tawaran:
KK / 226 / 2024 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Testing Kits For Rapid Molecular Resistance Gene Detection With Rental Analyser System For The National Mycobacteria Reference Laboratory And National Clinical Microbiology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
KK / 227 / 2024 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Laboratory Test Kits For Blood Grouping And Phenotyping Test For Blood Transfusion Laboratory Of Blood Donation Centre And District Hospital Laboratories, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 228 / 2024 / LAB (TC)



Pendaftaran
Bakal-Bakal Rekrut Lelaki
Pengambilan Ke-177
Angkatan Bersenjata
Diraja Brunei

Pendaftaran sekarang dibuka untuk menceburi Kerjaya Tentera sebagai **bakal Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-177**. Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengikut syarat-syarat kelayakan dan kemasukan yang telah ditetapkan.

Pendaftaran dibuka secara pandu lalu (*drive-through*) mengikut tarikh dan masa seperti berikut:

Tarikh
21 Oktober 2024 hingga
31 Oktober 2024

(Dibukakan setiap Isnin hingga Khamis sahaja manakala Jumaat, Sabtu, Ahad dan hari Kelepasan Awam ditutup)

Keterangan:
The Provision Of Outsourcing Laboratory Tests For Specimen Sent Abroad For National Blood Transfusion Reference Laboratory, Blood Donation Centre, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 229 / 2024 / ESTETMOH (TC)

Keterangan:
Comprehensive Maintenance Services For Refrigerant Air-Conditioning And Ventilation Under Pengiran Isteri Hajah Mariam (PIHM) Hospital Temburong For A Period Of Three (3) Years

Kelayakan Pembekal / Pemborong:
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan Kelas : II above Kategori : M01 & E01

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 231 / 2024 / SSBH (TC)

Keterangan:
Disposal Of Clinical Waste Including Collection, Transportation And Incinerate From Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait To Off-Site Location For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Tarikh Tutup:
29 Oktober 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Sila layari laman web
<http://www.mindf.gov.bn>
(Career - Military Recruitment (Male)) bagi tempat / lokasi pendaftaran pandu lalu

Masa
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
14.30 Petang hingga 16.00 Petang
Pemohon-pemohon mestilah berumur 18 tahun dan tidak melebihi 25 tahun (0 hari 0 bulan) pada **16 Mei 2025**.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
Pejabat Pengambilan Jabatanarah Keanggotaan Bolkiah Garrison Telefon : +673 2386898

Atau layari laman web:
<http://www.mindf.gov.bn> (Career - Military Recruitment (male))
E-mel : RO.recruit@mindf.gov.bn



1. Tajuk Sebut Harga :

RTB / K / 118 / 24 - 25
- Pembelian Rancangan Luar Negeri

Genre: Malaysia / Indonesia Drama Series
- Family, Inspirational, Islamic, Suspense

2. Tajuk Sebut Harga :

RTB / K / 119 / 24 - 25
- Pembelian Rancangan Luar Negeri

Genre: Special Malay Telemovie Family, Inspirational, Islamic

3. Tajuk Sebut Harga :

RTB / K / 120 / 24 - 25
- Pembelian Rancangan Luar Negeri

Genre: Special Malay Movie - Blockbuster Family, Inspirational, Action

4. Tajuk Sebut Harga :

RTB / K / 121 / 24 - 25
- Pembelian Rancangan Luar Negeri
Genre: International Drama Turki / Korea / Chinese
- Modern Drama

Bayaran Yuran (Termasuk E-Dokumen):

BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy):

BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 23 Oktober 2024.
Jam 2.00 Petang.



1. Bil. Tawaran:
KHEU / BDP / LTK / 002 / 2024

Tajuk Tawaran :
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Mosques In Temburong District. Ministry Of Religious Affairs. Negara Brunei Darussalam.

2. Bil. Tawaran:
KHEU / BDP / LTK / 003 / 2024

Tajuk Tawaran :
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Mosques In Tutong District. Ministry Of Religious Affairs, Near Brunei Darussalam.

3. Bil. Tawaran:
KHEU / BDP / LTK / 004 / 2024

Tajuk Tawaran :
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Mosques In Belait District, Ministry Of Religious Affairs, Negara Brunei Darussalam

Dibukakan Kepada Kontraktor Ke atas III, IV & V dan Kategori B01

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka Tawaran:
16 Oktober 2024
dan 23 Oktober 2024.

Tarikh dan Jam Tutup Mengambil Dokumen Tawaran:
29 Oktober 2024,
(2.00 Petang).

Tarikh Tutup Tawaran:
5 November 2024.
(Jam 2.00 Petang).



Tawaran / Sebut Harga Bagi Membekalkan Barang Keperluan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei

Rujukan Sebut Harga:
152 / PLKPTB / 34 / 2024 / 1

Nama Sebut Harga:
Membekalkan Kepingan Perak

1. Perak 92.5% Sterling Silver Sheet berukuran 793.5mm X 304.8mm 0.60mm (1502 gram)

Jumlah Dipohonkan :
90 Keping

2. Perak 92.5% Sterling Silver Sheet berukuran 793.5mm X 304.8mm 0.70mm (1752 gram)

Jumlah Dipohonkan :
90 Keping

Tarikh Penutupan Sebut Harga:
Tidak Lewat Pada Selasa, Jam 2.00 Petang, 29 Oktober 2024.



Tawaran Terbuka Bagi Membekal Dan Menghantar Terus Buku Teks Mata Pelajaran Bahasa Inggeris Tahun 7 Ke Sekolah-Sekolah Menengah Kerajaan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu :
Selasa,
29 Oktober 2024.
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

Tajuk Tawaran :
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Mosques In Belait District, Ministry Of Religious Affairs, Negara Brunei Darussalam

Dibukakan Kepada Kontraktor Ke atas III, IV & V dan Kategori B01

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka Tawaran:
16 Oktober 2024
dan 23 Oktober 2024.

Tarikh dan Jam Tutup Mengambil Dokumen Tawaran:
29 Oktober 2024,
(2.00 Petang).

Tarikh Tutup Tawaran:
5 November 2024.
(Jam 2.00 Petang).



Tajuk Tawaran.
To Supply And Repair Of Components At Sweeper Truck BG 4903, Department Of Civil Aviation AME / 2024 – 2025 / SH-60

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
16 Oktober 2024, Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
12 November 2024, Selasa, Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
13 November 2024, Rabu.



KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



كمترین كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebijii
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebijii ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

DIDAKWA BAGI KESALAHAN RASUAH

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Pencegah Rasuah selesai. Defendan mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan dan menuntut dibicarakan.

Pihak pendakwaan memanggil 21 orang saksi dan mengemukakan keterangan bahawa defendan, seorang Ketua Pegawai Imigresen Kanan di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menerima tanpa pertimbangan, BND100 daripada seorang pengurus sebuah agensi pekerjaan yang berkaitan dengan fungsi rasminya sebagai Ketua Bahagian Pas Kerja.

Selain itu, defendan telah beberapa kali antara tahun 2021 dan 2022, memperoleh tanpa bayaran barang berharga lain iaitu tiga gulung permaidani dengan anggaran nilai BND1,420, lima gulung permaidani bernilai BND1,344, sarung kusyen sofa dengan anggaran nilai BND650 dan sarung kusyen tempat duduk kereta dari Daiecharm Décor Sdn. Bhd., yang berkaitan dengan fungsi rasmi defendan sebagai Ketua Bahagian Pas Kerja di jabatan tersebut.

Defendan didapati bersalah atas semua pertuduhan selepas perbicaraan di hadapan Majistret Kanan, Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman. Pendakwaan kes ini dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Rozaimah binti Haji Abdul Rahman dan defendan diwakili oleh Peguambela, Ahmad Basuni bin Haji Abbas.

Mahkamah telah menetapkan sebutan lanjut kes ini pada 19 Oktober 2024 untuk kedua-dua peguam mengemukakan hujah-hujah mitigasi dan hukuman.

Dihukum denda akibat miliki barang tegahan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Oktober. - Seorang lelaki warga tempatan dijatuhan hukuman denda sebanyak BND51,000 atau 15 bulan pemerjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret, Sharifah Nur Baqiyah binti Malai Shahran menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Azhrin Hidayat bin Saidi di Mahkamah Majistret hari ini. Defendan mengaku bersalah dan didakwa memiliki 49 karton rokok dan 20 paket pelbagai jenis.

Defendan ditangkap oleh Bahagian Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Cawangan BSB di Kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mengkubau pada 21 Januari 2024.

Kesemua barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

DARI MAHKAMAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Oktober. - Seorang lelaki tempatan, Seruji bin Haji Setia (defendan) berumur 52 tahun telah disabitkan bersalah atas lima

kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Hukuman Jenayah, Bab 22.

Defendan didakwa pada 2 Mac 2023 selepas siasatan oleh Biro

Miliki rokok : Warga tempatan dijatuhan hukuman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Oktober. - Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan (BSB) menjatuhkan hukuman ke atas seorang perempuan warga tempatan, atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 143 Perintah Kastam 2006 dan Seksyen 427 Perintah Kanun Hukuman Jenayah.

Defendant, Zarinah binti

Mahmud mengaku bersalah kerana memiliki 53 karton dan 36 paket rokok pelbagai jenis dan beliau dijatuhan hukuman denda sebanyak BND56,390 atau 15 bulan pemerjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda.

Hukuman dijatuhan di hadapan Majistret, Sharifah Nur Baqiyah binti Malai Shahran. Zarinah ditangkap oleh Bahagian

Penguatkuasa Undang-undang Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Cawangan BSB di Kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mengkubau pada 21 Januari 2024.

Kesemua barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.



MINDA PEMBACA

Tingkat kesedaran kesan penderaan, pencabulan kanak-kanak

PENDERAAN dan pencabulan kanak-kanak merupakan masalah serius yang memberi kesan mendalam kepada mangsa, baik dari segi fizikal, emosi, maupun psikologi. Ia bukan sahaja mencederakan tubuh badan tetapi juga merosakkan kepercayaan diri dan kestabilan mental kanak-kanak. Oleh itu, meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kesan buruk penderaan dan pencabulan kanak-kanak adalah sangat penting untuk melindungi generasi muda serta menjamin kesejahteraan mereka.

Pertama sekali, kesedaran perlu dipupuk melalui pendidikan. Ibu bapa, guru, dan penjaga memainkan peranan utama dalam memberi

pengetahuan kepada kanak-kanak tentang hak-hak mereka. Kanak-kanak perlu dididik untuk mengenali tanda-tanda awal penderaan dan pencabulan serta diberi keyakinan untuk melaporkan sebarang perbuatan yang tidak selesa. Begitu juga, orang dewasa perlu diberi pendedahan mengenai tanda-tanda fizikal atau emosi yang mungkin menunjukkan seseorang kanak-kanak menjadi mangsa penderaan.

Selain itu, sokongan daripada pihak berkuasa adalah penting dalam menangani isu ini. Undang-undang yang tegas perlu dilaksanakan untuk menghukum pesalah penderaan dan pencabulan kanak-kanak. Pihak berkuasa perlu bertindak cepat dalam

menyiasat laporan kes penderaan dan memastikan mangsa mendapat perlindungan yang sewajarnya. Program kaunseling dan pemulihan juga harus disediakan bagi membantu mangsa memulihkan semula kepercayaan diri dan emosi mereka.

Masyarakat juga harus memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran tentang kes penderaan dan pencabulan kanak-kanak. Kempen kesedaran yang melibatkan media massa, seminar dan bengkel perlu diadakan secara berkala bagi memberikan maklumat yang tepat kepada masyarakat. Penyertaan aktif masyarakat dalam kempen seperti ini boleh membantu mengurangkan kes penderaan dengan mendorong

mereka untuk lebih prihatin terhadap persekitaran kanak-kanak di sekeliling mereka.

Secara keseluruhannya, meningkatkan kesedaran tentang kesan penderaan dan pencabulan kanak-kanak adalah tanggungjawab bersama. Melalui pendidikan, undang-undang yang tegas dan kesedaran masyarakat, kita dapat melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa serta memastikan mereka dapat membesar dalam persekitaran yang selamat dan sihat.

**Nama : Muhammad Nor Iman bin Haji Norman
No. K/P : 01-132XXX**

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Menjaga Keamanan Serantau'. Tarikh Tutup : 16 Oktober 2024
- 2.'Melindungi Kesejahteraan, Kebajikan Warga Emas'. Tarikh Tutup : 23 Oktober 2024
- 3.'Guru Berkualiti, Negara Maju'. Tarikh Tutup : 30 Oktober 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75
SETIAP MINGGU**

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

36 PAIN DARAH BERJAYA DIKUMPULKAN



JERUDONG Park Country Club dengan kerjasama Jerudong Park Medical Centre semasa menganjurkan Kempen Derma Darah bersempena dengan Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2024 (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Oktober. - Jerudong Park Country Club (JPCC) dengan kerjasama Jerudong Park Medical Centre (JPMC) baru-baru ini menganjurkan Kempen Derma Darah bersempena dengan Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2024.

Kempen Derma Darah berkenaan diadakan di Bilik VIP East Wing, Jerudong Park Garden bermula jam 11.00 pagi hingga 3.00 petang.

Hasil daripada kempen berkenaan menerima sebanyak 48 pendaftaran dan 36 pain darah berjaya dikumpulkan. Para penderma adalah terdiri daripada pihak pengurusan JPCC, kakitangan dan orang ramai.

Kempen berkenaan merupakan salah satu inisiatif

tahunan Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran, JPMC yang bertujuan untuk menggalakkan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dalam kalangan warga JPCC dan juga orang ramai melalui cara mudah untuk menyelamatkan nyawa, iaitu dengan menderma darah.

Selain itu juga, dengan adanya kempen berkenaan dapat meningkatkan kesedaran tentang manfaat menderma darah terhadap kesihatan dan tubuh penderma. Kempen berkenaan akan diteruskan sebagai salah satu inisiatif JPMC untuk membantu keperluan darah di Unit Tabung Simpanan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) bagi mereka yang memerlukan.



KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja memberikan makluman yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan makluman atau sijil-sijil bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN



PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.

DIKENAKAN TINDAKAN
TATATERIB DAN BOLEH
DITAMATKAN PERKHIDMATAN
DENGAN SERTA-MERTA.



Selera KAMPUNG Kitani

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Kelupis

STKRJ Kampung Rimba

BAHAN-BAHANNYA :

- 1600ml beras pulut
- 1600ml santan
- ½ sudu garam
- 3 sudu makan minyak masak
- Daun nyirik untuk bungkus

CARA MEMASAK :

- Bersihkan beras dan tapiskan.
- Masukkan santan dalam kuali.
- Masak sehingga mendidih, kemudian kecilkan api.
- Gaul sehingga keluar minyak.

Masukkan pulut. Gaul sehingga menjadi nasi. Masukkan minyak makan tiga sudu. Kalau sudah tidak lekat, masukkan ke dalam talam. Dinginkan dan masukkan 1 sudu, bungkus menggunakan daun nyirik.

NAHAS JALAN RAYA RAGUT NYAWA SEORANG PEMANDU

Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BELAIT, Isnin, 14 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengesahkan satu kejadian kemalangan jalan raya telah berlaku pagi tadi dan meragut nyawa pemandu kereta iaitu seorang lelaki warganegara tempatan.

Balai Polis Sungai Liang menerima panggilan kecemasan berkenaan melalui Talian Kecemasan Polis 993 sekitar jam 10.30 pagi berhubung satu kejadian kemalangan maut yang berlaku di kawasan Telisai hala Kuala Belait KM 38.2.

Sejurus maklumat diterima,

pihak polis segera ke tempat kejadian dan hasil daripada siasatan awal mendapati insiden berkenaan melibatkan kemalangan sebuah kereta sedan dan sebuah lori.

Ahli paramedik bertugas yang hadir membuat pemeriksaan berkenaan turut mengesahkan bahawa pemandu yang terhumban telah meninggal dunia di tempat kejadian.

Mangsa dipercayai berdiri di sebelah kenderaannya apabila kenderaannya berhenti di bahu jalan lebuh raya. Siasatan lanjut masih lagi dijalankan bagi

mengetahui punca sebenar kemalangan.

Oleh yang demikian, dipohonkan kepada orang ramai dan saksi mata yang menyaksikan insiden kemalangan berkenaan untuk tampil ke mana-mana balai polis ataupun menghubungi Talian Kecemasan Polis 993 bagi membantu siasatan.

Di kesempatan ini, PPDB ingin menasihati kepada para pengguna jalan raya untuk sentiasa berhati-hati dan peka semasa memandu dan sentiasa menitikberatkan aspek-aspek keselamatan semasa berada di jalan raya.



PIHAK polis segera ke tempat kejadian dan hasil daripada siasatan awal mendapati insiden berkenaan melibatkan kemalangan sebuah kereta sedan dan sebuah lori.

Operasi Kabat JIPK 2024 temui pelbagai kesalahan



JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melaksanakan Operasi Penguatkuasa Undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024.

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Oktober. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah melaksanakan dua Operasi Penguatkuasa Undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024 yang mana menyasarkan kepada beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam.

Operasi Kabat 113/2024 yang

dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Bandar Seri Begawan dengan menyasarkan sebuah rumah sewa di Mukim Sengkurong mendapati pemeriksaan telah dilaksanakan ke atas tiga orang warganegara asing, dan salah seorang telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Kuala Belait bagi siasatan lanjut.

Individu tersebut dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal dan Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut jawatan kerja yang tercatat di dalam Pas Kerjanya.

Sementara dalam Operasi Kabat 114/2024 yang dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Kuala Belait telah menyasarkan Projek Tapak

Pembinaan di Mukim Belait di mana pemeriksaan telah pun dijalankan ke atas dua orang warganegara asing yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Kedua-dua individu telah pun gagal mengemukakan dokumen asal dan seorang daripada warganegara asing tersebut disyaki melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal.

Manakala itu, seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 35(1), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bertanggungjawab mengambil individu tersebut bekerja tanpa pengetahuan majikan asal.

Selain daripada itu, JIPK turut mengongsikan satu kes pendakwaan yang telah dijalankan di bawah Akta Imigresen, Penggal 17 yang mana merupakan hasil daripada dapatan tahanan yang dibuat semasa Operasi Kabat JIPK 112/2024 di rumah dan bilik-bilik sewa di Mukim Pengkalan Batu.

Kartika Sari, seorang perempuan berumur 41 tahun,

warganegara Indonesia telah pun dijatuhan hukuman di atas kesalahan di bawah Bab 15(1) Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di Negara Brunei Darussalam setelah Pas Imigresennya mansuh.

Individu tersebut telah pun dijatuhan hukuman penjara selama lima bulan dan hukuman denda sebanyak BND800 sebagai gantian kepada hukuman sebat.

Walau bagaimanapun, individu berkenaan telah pun gagal membayar jumlah gantian kepada sebatan tersebut dan menjadikan hukuman penjara beliau kepada enam bulan bermula dari hari pertama individu direman pada 9 Oktober 2024.

Pendakwaan dibuat di hadapan Majistret, Sharifah Nur Baqiq binti Malai Shahran dan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa JIPK, Haminah binti Haji Awang Salleh.

Bagi sebarang maklumat berhubung dengan pesalah imigresen, JIPK mengalu-alukan orang ramai untuk menghubungi Talian Hotline JIPK melalui talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

ALAI PINTAR

SOALAN 135

SOALAN 16 OKTOBER 2024, RABU

TARikh TUTUP : 31 OKTOBER 2024

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
 2. ALAI YAKAN MENERIMA HADIAH BAUCER...

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi WhatsApp ke talian **+673 8945310** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
 Tarikh Lahir :
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
 Sekolah :
 Tahun :
 Alamat :

bor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 134

- B – Hendaklah kita menurut adat dan aturan di tempat yang kita diam
- A – Penyaram
- A – Wang

PEMENANG ALAI PINTAR 134 :

Nama : Muhammad Khaliq Fathullah Kahirulamilin
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0115591-01. Sekolah : Sekolah Panchor Murai

Nama : Muhammad Rizqi Zafri bin Rahman
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 01-190941. Sekolah : Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Nama : Dk. Amal Sarah Humaira Pg. Linong
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0148488-01. Sekolah : Sunshine School, Beribi

Warisan



Pulihara warisan, permainan kita tugas bersama

Rencana dan Foto :
Ak. Jefferi Pg. Durahman

ZAMAN kanak-kanak era 60-an membawa ke era 90-an ketika kemajuan teknologi belum sehebat hari ini pastinya banyak meninggalkan kenangan terutama dalam segi permainan ketika itu. Namun seiring perkembangan masa, permainan tradisional seperti Gasing, Congkak, Senapang Pek, Lompat Gatah, Main Hantu dan banyak lagi bukan lagi menjadi pilihan kanak-kanak sekarang.

Mereka kurang terdedah dengan permainan tradisional zaman nenek moyang kita, sebaliknya lebih cenderung dengan permainan berasaskan komputer dan digital. Justeru, tanpa mereka yang mewarisiannya pada suatu hari nanti semua jenis permainan ini hanya diingat sebagai sejarah, dibaca menerusi buku, akhbar-akhbar atau dilihat sebagai pameran muzium sahaja.

Warisan kali ini akan memperkenalkan kepada kita beberapa permainan yang suatu ketika dulu begitu popular iaitu Permainan Tilu-Tilan dan Permainan Kikik.

Permainan Tilu-Tilan

Permainan Tilu-Tilan ini merupakan salah satu permainan yang dimainkan oleh kanak-kanak di mana peralatan yang digunakan adalah biji Buah Kembayau yang telah dikeringkan dan diwarnakan. Jumlah pemain hanya empat orang sahaja. Sebelum

mulakan permainan, pemain akan dinamakan seperti berikut :

- Pemain 1 - Tilu
- Pemain 2 - Tilan
- Pemain 3 - Gulimang / Gulimbang
- Pemain 4 - Bangkung

Cara permainan

Setiap seorang akan diberikan beberapa biji Buah Kembayau (contoh 10 biji) kemudian untuk langkah kedua pula setiap pemain dikehendaki mengambil beberapa jumlah biji Buah Kembayau mengikut kesukaan hati pemain dan jumlah biji yang digenggam tidak boleh diketahui oleh pemain yang lain.

Langkah ketiga pula kumpulkan kesemua biji-biji tersebut dan letakkan di tengah-tengah iaitu dihitung satu persatu dengan mengikut kiraan Tilu (1), Tilan (2), Gulimang (3) dan Bangkung (4) sehingga habis kiraan biji tersebut.

Seterusnya langkah keempat pula sekiranya perkiraan tersebut terhenti pada perkataan Gulimang (3), bermakna kesemua buah tadi adalah menjadi hak milik pemain yang menggunakan nama Gulimang pada awal permainan.

Sekiranya pemain 2 telah kehabisan buahnya, ini bermakna pemain tersebut sudah kalah dan pemain 1, 3 dan 4 akan meneruskan permainan mereka sehingga habis buah masing-masing.

Apabila perkiraan buah terhenti pada gelaran contohnya : Tilan (pemain 2 yang sudah tewas tadi), maka pemain 1, 3 dan 4

akan berlawan lagi. Pemain yang terakhir berjaya mendapat buah permainan adalah dikira sebagai pemenang.

Permainan Kikik

Permainan Kikik sering dimainkan di hari-hari perayaan dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam bahkan ia juga sering dimainkan semasa cuti persekolahan. Biasanya permainan ini dimainkan secara bersendirian sebagai hiburan di masa lapang dan adakalanya secara berpasukan atau beramai.

Secara tradisinya hanya beberapa jenis Kikik yang diketahui dimainkan pada masa dahulu, iaitu seperti Kikik Kabana atau Kikik Lipat, Kikik Lasik, Kikik Biasa dan lain-lain. Kesemua jenis Kikik tersebut sangat digemari dan mudah untuk dibuat. Untuk Kikik Lasik dan Kikik Biasa, kedua-duanya memerlukan Buluh Temiang, kertas berwarna-warni, gam pelekat yang diperoleh dari Sagu Ambulung dan Tali Tangsi atau Tali Benang yang dilumas dengan lilin.

Pada kebiasaan, Permainan Kikik ini dimainkan oleh mereka yang berusia 12 tahun ke atas dengan jumlah pemain yang tidak terhad dan ia dimainkan di kawasan yang lapang seperti kawasan padang bola atau di luar rumah.

Cara permainan

Ia memerlukan dua pemain, iaitu seorang memegang Kikik dan seorang lagi sebagai juru anjung untuk menarik tali Kikik.

Jika keadaan angin bertiup kencang ia waktu yang bersesuaian dengan kedudukan pemainnya. Kikik akan dianjung ke atas lalu talinya ditarik secara serta-merta sehingga Kikik tersebut terbang tinggi ke udara.

Kebiasaannya, Permainan Kikik juga dimainkan secara bertanding, iaitu dua orang atau lebih pemain masing-masing akan cuba memutuskan tali Kikik lawannya dengan cara berpulut dan jika Kikik pemain yang masih terbang tinggi di udara, dialah dikira pemenang.

Kesimpulannya, kita seharusnya mencari cara di dalam mempertahankan permainan warisan kita ini kerana ia melambangkan budaya dan seni negara kita, mungkin ia boleh diadaptasikan dalam bentuk baharu, bukankah sekarang zaman sudah kepada teknologi, berkemungkinan ia boleh dibuat dengan cara menggunakan teknologi digital.

Apabila permainan tradisional Melayu dibawakan dalam bentuk yang selari dengan minat mereka, ia membantu dalam usaha mempopularkan kembali permainan tradisional itu. Namun, elemen reka bentuk tradisionalnya perlu dikekalkan walaupun diadaptasikan ke aplikasi digital bagi memastikan keunikan dan ciri tradisionalnya dapat dikekalkan. Lagi pula, teknologi dan budaya boleh digabungkan serta digunakan untuk memelihara budaya tempatan, terutama permainan tradisional. Hal ini adalah wajar untuk dilakukan supaya generasi akan datang mempunyai pemahaman lebih baik mengenai warisan kebudayaan mereka.





NAWHDS - Tingkatkan keberkesanan, kecekapan proses kerja

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ihsan Kumpulan MUSAEDAT JPPK, Kementerian Pertahanan

PROJEK Network Accessible Web Help Desk System (NAWHDS) yang dihasilkan oleh Kumpulan MUSAEDAT Jabatanaraah Pembangunan & Perkhidmatan Kerja (JPPK), dari Kementerian Pertahanan telah berjaya memenangi Anugerah Perak bagi Anugerah Inovasi Perdana (AIP) 2024 semasa Sambutan Kemuncak Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-31 Tahun 2024.

Ahli-ahli Kumpulan MUSAEDAT, JPPK terdiri daripada Penolong Pengarah, Dayang Hajah Wan Farhani binti Haji Suhaili; Pegawai Projek Kanan, Dayang Zalinah binti Mohd. Ibrahim; Pegawai Projek, Dayang Nor A'yun binti Haji Talib; Pembantu Teknik Kanan, Pengiran Muhammad Zulfadli bin Pengiran Haji Maidin; dan Pembantu Teknik Kanan, 15612 Bintara Kanan Haji Muhd. Hasbi Ashsiddieqy bin Haji Salleh. Kumpulan ini telah menerima geran pembelajaran atau projek, sebuah piala dan sijil penghargaan.

Semasa ditemui Pelita Brunei, Dayang Hajah Wan Farhani menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alaa dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas perkenan dan kurnia bagi Kumpulan MUSAEDAT JPPK daripada Jabatanaraah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Kementerian Pertahanan telah berjaya memenangi Anugerah Perak bagi Anugerah Inovasi Perdana Tahun 2024 ini bagi projek NAWHDS. Menurutnya, kemenangan ini bukan sahaja menandakan dedikasi tetapi juga komitmen untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan yang disediakan.

"Pencapaian ini adalah kerjasama secara kumpulan daripada konsep hingga pelaksanaannya yang mana setiap ahli memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan projek ini. Memperoleh pencapaian ini juga bukanlah satu kejayaan yang mudah dan jabatanaraah ini sekali lagi ingin memanjatkan rasa bersyukur kerana pelbagai usaha yang dilaksanakan telah diiktiraf di peringkat kebangsaan. Pengiktirafan ini mampu dijadikan sebagai pemangkin semangat dan peluang untuk lebih meneroka di dalam bidang inovasi yang lainnya terutama sekali kepada yang menjurus usaha meningkatkan perkhidmatan dan menyumbang secara positif kepada pembangunan Kementerian

Pertahanan," ujarnya lagi.

Inisiatif

Di antara inisiatif JPPK, Kementerian Pertahanan dalam memperbaharui serta menambah baik proses-proses kerja dan pemantauan sistem, merekod atau pemfailan dan juga memastikan pengguna berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan bagi proses-proses permohonan kerja aset-aset pembangunan dan pemeliharaan di Kementerian Pertahanan, satu sistem meja bantu NAWHDS telah dikenal pasti dan dilaksanakan.

Objektif

Objektif projek NAWHDS ini adalah bagi mendigitalkan proses permohonan kerja yang telah dilaksanakan secara manual kepada secara automatik, menyelaraskan proses-proses permohonan, menambah baik interaksi dan komunikasi di antara JPPK dan pengguna serta meningkatkan lagi kecekapan keseluruhan JPPK.

Selain itu, NAWHDS berfungsi sebagai bantuan kepada pengguna bagi permohonan-permohonan kerja pembangunan dan pemeliharaan melalui *centralized platform*. Sistem ini adalah *user-friendly approach* yang mana pihak pengguna boleh menghadapkan permohonan kerja melalui ID tiket yang telah ditetapkan secara automatik, menjelajah status tiket bagi perkembangan kerja yang telah dipohonkan, menerima kemas kini maklumat yang tepat tentang pertanyaan yang dikemukakan dan komunikasi dengan kakitangan JPPK dalam masa nyata (*real-time*).

Ia juga adalah untuk merekod kesemua aduan dan permohonan daripada pihak pengguna mengenai bangunan dan infrastruktur Kementerian Pertahanan ke dalam sistem *centralized*, yang mana ini membolehkan JPPK untuk mengurus dan mengutamakan tugas dengan lebih berkesan serta menyediakan laporan metrik prestasi utama.

Dengan pelaksanaan NAWHDS ini, JPPK boleh mengurangkan masa tindak balas, menambah baik kepuasan pengguna, meningkatkan keberkesanan dan kecekapan *check and balance* dalam proses kerja serta meningkatkan produktiviti. Oleh itu, ia membolehkan JPPK memperbaiki

perkhidmatan dan memastikan objektif jabatanaraah ini dapat dicapai supaya bangunan dan infrastruktur fizikal tetap kekal berkesan dan beroperasi bagi memenuhi keutamaan operasi Kementerian Pertahanan.

Cabaran

Antara cabaran utama yang dihadapi semasa perlaksanaan projek NAWHDS di antaranya adalah mengambil kira beberapa aspek, terutama sekali keselamatan maklumat dan keperluan untuk memperkembangkan lagi infrastruktur rangkaian intranet yang sedia ada.

Kementerian Pertahanan sangat mengambil serius terhadap keselamatan maklumat-maklumat yang terkandung di dalam sistem yang sedikit sebanyak mengehadkan potensi sistem tersebut. Di antara langkah bagi menangani cabaran ini, sistem NAWHDS akan dibangunkan secara *in-house* melalui pihak Unit Teknologi Maklumat Pertahanan, Kementerian Pertahanan yang mana aspek-aspek keselamatan semasa mengakses dan penyediaan perkakasan (*hardware*) khusus bagi sistem itu nanti.

Perancangan akan datang

Penambahbaikan dan kemas kini berterusan akan dibuat bagi memastikan sistem NAWHDS ini berkembang seiring dengan permintaan keperluan pengguna. Kami berhasrat untuk mengembangkan lagi fungsi sistem yang sedia ada dan mencari cara baharu untuk menyelaraskan komunikasi serta pengurusan tugas bersama pihak pengguna di dalam Kementerian Pertahanan.

Selain itu, penerokaan bidang lain juga diambil perhatian di mana inovasi boleh memainkan peranan dalam meningkatkan perkhidmatan jabatan kami.

Saranan

Menyertai AIP adalah menjadi pengalaman yang menarik dan bermanfaat. Berikut adalah beberapa aspek bagi membantu peserta lain yang akan menyertai AIP pada masa akan datang dan berjaya dalam penyertaan ini :

- Memahami kriteria anugerah terutama sekali objektif dan *focus areas* yang diperlukan;
- Menyelesaikan masalah sebenar yang dihadapi terutama sekali dengan

menggunakan inovasi secara langsung menangani isu utama;

- Mengutamakan *practicality* dan *scalability* di mana inovasi bukan sahaja harus kreatif tetapi juga boleh dilaksanakan;
- Demonstrasi penyelidikan di sebalik konsep kerana inovasi disokong oleh bukti daya maju yang kukuh;
- Pembentangan yang jelas dan menarik;
- Impak yang kuat tentang cara inovasi boleh memberi kesan kepada kos, pelanggan dan jabatan.

Dengan memberi tumpuan kepada beberapa aspek ini, peserta akan lebih bersedia untuk mempamerkan inovatif yang berkesan, boleh dilaksanakan dan seajar dengan matlamat AIP.

Penyertaan AIP 2024

Penyertaan AIP pada tahun ini dibukakan kepada kementerian dan jabatan kerajaan secara berkumpulan atau perseorangan dengan menumpukan kepada Kertas Projek yang memfokuskan kepada beberapa bidang tumpuan seperti :

1. Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Awam Melalui Aplikasi Teknologi Info-Komunikasi dan Kaedah-Kaedah Tertentu;
2. Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam;
3. Meningkatkan Integriti, Ketelusan, Akauntabiliti, dan Tindak Balas Dalam Perkhidmatan Awam; dan
4. Penambahbaikan Kualiti Proses Dalam Perkhidmatan Awam Yang Menyumbang Kepada Mempercepatkan Urusan-Urusan yang Berkaitan Dengan Ease of Doing Business (EODB).

Pada tahun ini, sebanyak 13 kertas projek telah dipertandingkan. Panel Penilaian dan Pemilihan AIP yang telah dilantik telah menilai kertas projek dengan memberikan tumpuan yang tinggi ke atas aspek Pemilihan Projek, Mekanisma Pelaksanaan Projek, Hasil dan Impak Projek, Cabaran Dalam Melaksanakan Projek dan Rancangan Lanjut Projek.

Penutup

AIP insyaAllah akan diadakan pada setiap tahun, maka dengan itu Jabatan Perkhidmatan Pengurusan sangat mengalu-alukan lebih banyak penyertaan AIP daripada kementerian / jabatan, yang secara tidak langsung menggalakkan budaya inovasi dalam Perkhidmatan Awam.

Maklumat lanjut mengenai AIP bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Pengurusan di alamat www.msd.gov.bn atau menghubungi Urus Setia AIP di talian +673 2382064 / 65 / 66.



PALESTIN SAMBUT BAIK SERUAN SEPANYOL HENTIKAN EKSPORT SENJATA KE ISRAEL

Anadol.

Dalam satu kenyataan, Kementerian Luar Palestin memaklumkan seruan Sanchez selaras dengan undang-undang dan resolusi antarabangsa serta menyokong penyelesaian dua negara dan prinsip hak asasi manusia.

Perdana Menteri Sepanyol itu pada Jumaat menyeru masyarakat

antarabangsa untuk menghentikan eksport senjata ke Israel, sambil menyatakan bahawa Sepanyol menghentikan penjualan senjata ke Israel pada Oktober 2023.

Kementerian itu turut menyalahkan negara-negara yang membekalkan senjata dan peralatan ketenteraan kepada Israel kerana menggalakkan Tel Aviv meneruskan jenayah dan pencabulan terhadap

rakyat Palestin.

Kementerian turut menggesa negara-negara yang menandatangani Perjanjian Perdagangan Senjata untuk "bertindak tegas bagi menghentikan penggunaan senjata dan peralatan ketenteraan Israel dalam melakukan pelanggaran serius terhadap undang-undang kemanusiaan antarabangsa, hak asasi manusia dan terhadap orang awam Palestin."

Menurut data terkini dari Institut

Penyelidikan Keamanan Antarabangsa Stockholm, Amerika Syarikat menyumbang 70.2 peratus daripada keperluan senjata konvensional Israel antara 2011 dan 2020, diikuti Jerman sebanyak 23.9 peratus dan Itali 5.9 peratus.

Pada April, Kongres AS meluluskan bantuan sebanyak US\$17 bilion kepada Israel sebagai sebahagian daripada pakej bantuan ketenteraan asing bernilai US\$95 bilion. - ©BERNAMA

ISTANBUL, 15 Oktober. - Palestin pada Ahad menyambut baik seruan Perdana Menteri Sepanyol, Pedro Sanchez supaya menghentikan eksport senjata ke Israel di tengah serangan yang dilakukan ke atas Gaza dan Lubnan, lapor Agensi

Maldives larang import dan penggunaan rokok elektronik

NEW DELHI, 15 Oktober. - Dalam usaha proaktif memerangi ketagihan nikotin dan melindungi kesihatan awam, Maldives menjadi negara terbaru yang melaksanakan larangan terhadap rokok elektronik.

Presiden Mohamed Muizzu pada Isnin mengumumkan bahawa kerajaan sedang mengambil langkah kukuh untuk melarang penggunaan vap.

Beliau mengarahkan pihak berkuasa berkaitan untuk memulakan tindakan yang perlu bagi mengharamkan import peranti "vaporiser", aksesori dan alat ganti mulai 15 Nov tahun ini, menurut kenyataan pejabat Presiden.

Mulai 15 Dis, larangan itu juga akan dikenakan ke atas pemilikan, penggunaan, pembuatan, penjualan, promosi, dan pengedaran

percuma peranti rokok elektronik di seluruh negara.

Ramai rakyat Maldives menerusi hantaran di platform media sosial menyambut baik keputusan itu, dengan menyatakan bahawa ia akan melindungi masyarakat daripada gaya hidup yang berbahaya.

Sesetengah pihak turut mencadangkan agar larangan lebih meluas dikenakan ke atas penggunaan tembakau dan rokok. - ©BERNAMA

Gunung berapi Nyamulagira meletus

KINSHASA, 15 Okt. - Gunung berapi Nyamulagira yang terletak di timur Republik Demokratik Congo (DRC) dilaporkan meletus, menurut sumber dari Balai Cerap Gunung Berapi Goma (OVG) pada Isnin, lapor Xinhua.

Letusan itu menyebabkan lava keluar dari kawah gunung dan mengalir ke arah utara, barat dan barat daya, kata pengarah saintifik OVG Charles Balagizi. Gambar satelit terkini menunjukkan tiga aliran lava terbentuk di lereng

gunung berapi, dengan aliran yang paling maju bergerak sejauh kira-kira 7 kilometer, menurut Balagizi.

"Cahaya merah terang kelihatan di puncak Gunung Berapi Nyamulagira dan dapat dilihat dari bandar Goma," katanya kepada Agensi Akhbar Congo (CPA) pada lewat Isnin. Pihak berkuasa DRC masih belum memberi sebarang reaksi terhadap letusan ini.

Gunung berapi Nyamulagira dianggap antara gunung berapi

paling aktif di Afrika. Goma menempatkan dua gunung berapi aktif, iaitu Nyamulagira dan Nyiragongo. Gunung Nyiragongo meletus pada Mei 2021, mengakibatkan sekurang-kurangnya 32 kematian.

Menurut OVG, letusan terakhir Nyamulagira berlaku pada 14 Mac 2023. Aktiviti gunung berapi Nyamulagira kebiasaannya tidak mengancam Kivu Utara, menurut laporan media tempatan. - ©BERNAMA

Syarikat teknologi Jepun guna AI bantu pekerja tangani pelanggan kasar

TOKYO, 14 Okt. - Syarikat teknologi Jepun, NTT Communications Corp. dan SoftBank Corp. sedang membangunkan sistem yang menggunakan kecerdasan buatan (AI) untuk membantu pekerja pusat panggilan menangani pelanggan yang kasar, lapor Agensi Berita Kyodo.

NTT Communications mencipta sistem sokongan pusat panggilan yang boleh memantau perbualan antara pelanggan dan pengendali serta memaparkan contoh tindak balas yang sesuai di skrin pengendali.

Dalam demonstrasi terbuka kepada media, sistem prototaip itu menawarkan contoh balasan kepada pengendali berkenaan

berhubung aduan pelanggan.

Selepas pengendali memberikan respons mengikut cadangan, sistem itu menandakan balasan sebagai 'Tiada masalah'.

Sistem ini mampu mengurangkan beban psikologi pekerja, ketika ramai pengendali sukar untuk kekal tenang ketika menerima aduan daripada pelanggan kasar, menurut syarikat itu.

Sistem ini juga dijangka membantu mengurangkan kemarahan pelanggan dengan memberikan respons yang cepat.

SoftBank turut menggunakan AI untuk membangunkan sistem yang boleh melembutkan nada suara pelanggan ketika pengendali menjawab panggilan mereka.

Syarikat itu merancang untuk menjadikan sistem ini sebagai perniagaan menjelang tahun fiskal 2025.

Perkembangan ini berlaku ketika isu 'kasu-hara', atau tingkah laku kasar oleh pelanggan, semakin menjadi masalah sosial di Jepun, sebuah negara yang terkenal dengan budaya hospitaliti.

Beberapa pekerja akhirnya terpaksa berhenti kerja atau mengalami masalah kesihatan mental akibat daripada tingkah laku seperti penderaan lisan, menyebabkan banyak syarikat dalam sektor runcit dan restoran merangka garis panduan untuk menangani tingkah laku kasar oleh pelanggan. - ©BERNAMA

Australia peruntuk US\$63.9 juta tingkat kesiapsiagaan hadapi selesema burung H5N1

CANBERRA, 14 Okt. - Kerajaan Australia meluluskan dana tambahan bagi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi kemungkinan kemunculan wabak selesema burung, lapor Xinhua.

Kerajaan mengumumkan tambahan sebanyak AU\$95 juta (US\$63.9 juta) pada Isnin untuk langkah-langkah bio keselamatan, perlindungan alam sekitar dan kesihatan awam, bertujuan melindungi Australia daripada ancaman wabak selesema burung H5N1 (HPAI).

Pakar memberi amaran bahawa penularan strain ini ke Australia adalah tidak dapat dielakkan, dan boleh berlaku apabila burung yang

berhijrah tiba untuk musim bunga dan musim panas di selatan negara itu.

Pembangunan baharu ini merangkumi AU\$37 juta (US\$24.9 juta) untuk inisiatif melindungi sektor pertanian Australia sekiranya wabak H5N1 melanda, serta AU\$35.9 juta (US\$24.1 juta) untuk langkah-langkah perlindungan alam sekitar dan tindakan pemuliharaan bagi spesies terancam.

Selain itu, sebanyak AU\$22.1 juta (US\$14.8 juta) akan diperuntukkan untuk memperkuatkan kesiapsiagaan kesihatan awam dengan meningkatkan stok vaksin yang

sedia digunakan dalam Stok Perubatan Nasional.

"Walaupun Australia masih bebas daripada HPAI H5N1, hakikatnya seperti negara lain, kita tidak dapat menghalang kemunculannya," kata Menteri Alam Sekitar, Tanya Plibersek dalam satu kenyataan.

Dengan pengumuman itu, jumlah keseluruhan dana kerajaan untuk menangani H5N1 kini melebihi AU\$100 juta (US\$67.3 juta), selepas pengumuman berjumlah AU\$6.9 juta (US\$4.6 juta) pada Julai bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan keupayaan tindak balas nasional. - ©BERNAMA

NATO mulakan latihan nuklear besar-besaran di Utara Eropah

BRUSSELS, 14 Okt. - Latihan nuklear berskala besar Perjanjian Atlantik Utara (NATO) yang dikenali sebagai 'Steadfast Noon' bermula Isnin dengan penyertaan 2,000 anggota tentera dari 13 negara perikatan termasuk 60 pesawat tentera, lapor Sputnik.

Setiausaha Agung NATO, Mark Rutte berkata latihan itu akan diadakan di United Kingdom, Laut Utara serta di Belgium dan Belanda, bertujuan memperbaiki kesiapsiagaan NATO untuk bertindak balas terhadap sebarang ancaman musuh.

Latihan terbabit dijadual berlangsung selama dua minggu, melibatkan lapan pangkalan udara.

Pesawat pelbagai jenis yang berupaya membawa senjata nuklear, pengebom, pesawat pengiring serta pesawat peninjau dan peperangan elektronik akan turut serta dalam latihan ini.

NATO sebelumnya memaklumkan bahawa latihan berkenaan dirancang lebih dari setahun lalu dan tidak akan melibatkan penggunaan senjata tempur.

Walaupun NATO menganggap latihan ini sebagai latihan yang dirancang, organisasi anti-perang mengkritik pelaksanaannya di tengah-tengah ketegangan antarabangsa.

Dalam Konsep Strategik NATO, pemimpin perikatan mengesahkan bahawa NATO akan kekal sebagai perikatan nuklear selagi senjata nuklear wujud.

Timbalan Menteri Luar Rusia, Alexander Grushko dalam satu temu bual dengan Sputnik mendakwa bahawa Moscow menyedari bahawa dari sudut ketenteraan-teknikal, NATO sedang bergerak ke arah meningkatkan peranan senjata nuklear dalam strategi perikatan itu.

Beliau mengingatkan bahawa bekas Setiausaha Agung NATO, Jens Stoltenberg sebelum ini menyebut mengenai pemodenan senjata nuklear, termasuk bom udara AS yang ditempatkan di negara-negara Eropah.

Menurut diplomat itu, Moscow mengambil kira 'keseluruhan faktor yang mempengaruhi kestabilan strategik, keselamatan, dan keupayaan pertahanan' dan bagi tujuan ini proses pengemaskinian Dasar Negara Rusia dalam bidang Pencegahan Nuklear sedang berlangsung.

Presiden Rusia Vladimir Putin sebelum ini mencadangkan untuk membincangkan isu kemas kini prinsip dasar negara dalam bidang pencegahan nuklear dalam mesyuarat Majlis Keselamatan Rusia.

Rusia berhak menggunakan senjata nuklear dalam situasi pencerobohan, termasuk jika musuh menggunakan senjata konvensional, mencipta ancaman kritikal terhadap kedaulatan, katanya.

Beliau juga berkata bahawa serangan oleh negara bukan nuklear dengan penyertaan negara mempunyai senjata nuklear akan dianggap sebagai serangan bersama ke atas Rusia. - ©BERNAMA

Kastam rampas lebih 266,000 anak udang karang di Bintan, Indonesia

BATAM (Kepulauan Riau), 14 Okt. - Pejabat Kastam Batam meng gagalkan penyeludupan 266,600 anak udang karang di perairan Bintan, Kepulauan Riau, dengan nilai keseluruhan 26.9 bilion rupiah (US\$1.6 juta), lapor Agensi Berita Indonesia (Antara).

Dalam satu kenyataan pada Ahad, ketua pejabat itu, Zaky Firmansyah berkata operasi itu bermula dengan laporan berhubung sebuah kapal berkelajuan tinggi yang disyaki menyeludup anak udang karang ke Malaysia pada Sabtu. "Berdasarkan maklumat, satu pasukan memantau kapal itu," tambahnya.

Beliau menyatakan pasukan itu berjaya meng gagalkan cubaan penyeludupan dan merampas kapal yang membawa 266,600 anak udang karang dalam 53 kotak. Menurut Firmansyah, penyeludup beralih daripada operasi waktu malam kepada siang hari. "Pasukan kami telah menjangkakan perkara ini dengan sentiasa menjalankan rondaan rutin dan langkah pengawasan lain," katanya.

Penyeludupan anak udang karang dilarang di bawah undang-undang, membawa hukuman maksimum 10 tahun penjara dan denda lima bilion rupiah (US\$309,000). Anak udang karang yang dirampas kemudiannya dilepaskan semula ke perairan Kepulauan Riau, lapor Firmansyah.

Pada 3 September, Kastam melepaskan 275,000 ekor anak udang karang di bawah undang-undang, membawa hukuman maksimum 10 tahun penjara dan denda lima bilion rupiah (US\$309,000). Anak udang karang yang dirampas kemudiannya dilepaskan semula ke perairan Kepulauan Riau, lapor Firmansyah.

Seminggu sebelum itu, Kastam turut meng gagalkan penyeludupan 177,300 anak udang karang bernilai 17.7 bilion rupiah (US\$1 juta) di perairan Pulau Pengelap dan Pulau Abang. - ©BERNAMA

CUNGKIL BAKAT PELAJAR DALAM BIDANG BOLA SEPAK



Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Oktober. - Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Sekolah Rendah YSHHB) menyertai Kejohanan Bola Sepak Fun Day yang dianjurkan oleh Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) bagi Kategori Bawah Umur 11 (U11), Kategori Bawah Umur 13 (U13) dan Kategori Bawah Umur 15 (U15) yang berlangsung di Padang JIS.

Pasukan Sekolah Rendah YSHHB berjaya merangkul tempat ketiga bagi Kategori U11 (2013) setelah berjaya menewaskan SMSSJ dengan kiraan 2 – 1 pada masa tambahan setelah terikat 1 - 1.

Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Rendah YSHHB, Dayang Suciati binti Haji Sulaiman, berharap dengan menyertai kejohanan berkenaan akan dapat mengembangkan pengalaman pembelajaran keseluruhan pelajar selain pembelajaran dalam bilik darjah, yang memberi mereka peluang untuk menetapkan matlamat peribadi dan juga pasukan dalam memupuk rasa pencapaian dan memotivasi pelajar beriktiraf demi mencapai kecemerlangan dalam semua bidang.

JIS anjur Football Funday

Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong International School

JERUDONG, Isnin, 14 Oktober. - Jerudong International School (JIS) telah mengadakan Football Funday tahunan, baru-baru ini mengumpulkan lebih daripada 800 pemain daripada 92 pasukan bola sepak seluruh negara di Kampus JIS, dengan mewakili sekolah atau kelab dalam pelbagai kategori usia dari umur 9 hingga 19 tahun.

Selain beberapa pasukan dari JIS, pemain juga terdiri dari Sekolah Bakti Dawa, Kolej Kosmopolitan Perdagangan dan Teknologi, Sekolah Hornbill, International School Brunei, Kolej Sains Kesihatan, Jerudong Park Medical Centre (JPMC), Kolej Perniagaan Laksamana, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Miftah An-Nur Islamic International School, Sekolah Panaga, Politeknik Brunei, Pusat Tingkatan Enam Meragang, Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Seri Mulia Sarjana, Sekolah Sukan, Sekolah St. Andrew dan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien.

"Football Funday adalah mengenai menyatukan sekolah untuk memupuk semangat kemasyarakatan dan menggalakkan penyertaan. Selain memperkenalkan semangat kesukuan, acara ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang inklusif di mana semua orang bersama-sama diajukan untuk mengambil bahagian, mempromosikan kerja berpasukan dan hubungan melalui persaingan mesra," kata Ketua Pendidikan Jasmani (Physical Education) dan Sukan di JIS, Hasim Khan.

Acara tersebut juga menampilkan pelbagai seni dan kraf tangan hasil daripada anak tempatan yang menjual produk eksklusif seperti aksesori buatan tangan, hiasan rumah, karya seni dan banyak lagi. Selain itu, para penjaja makanan juga turut hadir bagi memenuhi keperluan mereka yang hadir, menawarkan kopi, pencuci mulut, burger, pizza dan banyak lagi.

Di samping itu, pelajar JIS juga turut mengendalikan beberapa gerai bertujuan untuk mengumpul dana bagi inisiatif rasmi sekolah, seperti Projek Borneo, Penan Support dan JIS Parent Community Committee (JPCC).

Gym Field juga menampilkan Fun Activities and Challenge Stations, menawarkan para pelajar peluang untuk mengambil bahagian dalam pelbagai permainan berkaitan sukan untuk memenangi hadiah.

"Sungguh luar biasa melihat begitu banyak sekolah dan pasukan bersatu untuk satu hari yang bukan sahaja meraikan sukan tetapi juga mengukuhkan ikatan komuniti. Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua orang yang menyertai, sama ada sebagai pemain, penonton atau vendor. Kami berharap dapat mengalau-alukan anda semua lagi pada tahun depan," kata Pengetua Eksekutif JIS, Nicholas Sheehan.



ANTARA yang menyertai Football Funday.

Royal Bees berlepas ke Bangalore, India bagi Kejohanan ANC



PASUKAN Bola Jaring Kebangsaan Brunei, Royal Bees berlepas ke Bangalore, India bagi menyertai Kejohanan Bola Jaring Asia (ANC) Ke-13 yang akan bermula pada 18 Oktober 2024 di Stadium Tertutup Koramangala, Bangalore, Karnataka, India.

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Jaring Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Oktober. - Pasukan Bola Jaring Kebangsaan Brunei, Royal Bees berlepas ke Bangalore, India, hari ini bagi menyertai Kejohanan Bola Jaring Asia (ANC) Ke-13 yang akan bermula pada 18 Oktober 2024.

Seramai 15 negara yang akan bersaing dalam kejohanan tersebut yang akan bersaing merebut kejuaraan sehingga 27 Oktober di Stadium Tertutup Koramangala, Bangalore, Karnataka, India.

Kontingen Brunei akan diketuai oleh Lettenan Kolonel (B) Hajah Wan Shahlimar selaku Presiden Persatuan Bola Jaring Brunei

(BNA), yang turut disertai oleh Ketua Jurulatih Kebangsaan, Thilaka Jinadasa, Setiausaha Kehormat BNA serta ahli jawatankuasa utama.

Thilaka Jinadasa diiktiraf sebagai salah seorang jurulatih bola jaring paling berpengaruh di negara ini dan telah memainkan peranan penting dalam pembangunan sukan bola jaring di Negara Brunei Darussalam (NBD).

NBD akan bertanding dalam Kumpulan 'B' bersama Singapura, Hong Kong, Thailand, Iraq dan Bahrain. Manakala Kumpulan 'A' terdiri daripada Sri Lanka, Malaysia, Filipina, Maldives, India,

Jepun dan Arab Saudi.

Di samping itu, Awangku Azim bin Pengiran Asmadi dan Awang Endy Surwardy telah dilantik sebagai pengadil untuk kejohanan ini oleh Asia Netball, selaku pengangur rasmi kejohanan berprestij tersebut.

Penyertaan Pasukan Royal Bees dalam ANC-13 2024 ini disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Cosmopolitan College, Pitch Sports, dan Validus Enterprise.

Perlawanan pertama Royal Bees dijadualkan pada 18 Oktober 2024 menentang Singapura. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, sila layari laman Instagram rasmi @bruneinetballofficial.



ePaper Pelita Brunei



SHAH UNITED FC MENANG BESAR

Oleh : Pg. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman



ANTARA aksi perlawanan di antara Shah United FC menentang Arbyisyam FC dalam saingan Brunei Elite Futsal League (BEFL) 2024/25 yang berlangsung di Osca Sdn. Bhd. Indoor Futsal Court, Universiti Brunei Darussalam (kiri dan kanan).

TUNGKU, Selasa, 15 Oktober. - Brunei Elite Futsal League (BEFL) 2024/25 diteruskan lagi pada malam tadi yang menyaksikan Shah United FC menewaskan Arbyisyam FC dengan keputusan 7 - 1 dalam aksi perlawanan yang berlangsung di Osca Sdn. Bhd. Indoor Futsal Court, Universiti Brunei Darussalam.

Shah United FC mula langkah kanan seawal minit ke-5 menerusi jaringan Ridhwan Awaebuesa.

Pada minit ke-12 perlawanan, Abdul Khabir menggandakan jaringan buat Shah United FC namun Arbyisyam FC cuba bangkit merapatkan jurang jaringan pada minit ke-18 hasil daripada Muhammad Muzzafarudin mengubah kedudukan menjadi 2 - 1.

Walau bagaimanapun, Shah United FC terus menguasai perlawanan, kedudukan 2 - 1 hanya bertahan sekejap sahaja apabila Shah United FC menjaringkan gol ketiga dan keempat masing-masing menerusi

Faisol Muso dan Ridhwan Awaebuesa.

Jaringan pada awal minit perlawanan menjadi penyuntik semangat buat Shah United FC meneruskan aksi cemerlang pada babak kedua yang mana mereka terus menyerang Arbyisyam FC bertubi-tubi dan berjaya menjaringkan gol kelima dan keenam menerusi Abdul Hadi Azhar pada minit ke-23 dan Pengiran Muhd. Jamil pada minit ke-24.

Abdul Hadi Azhar menambah derita Arbyisyam FC dengan menjaringkan ketujuh

dan kedudukan jaringan 7-1 kekal hingga wisel penamat.

Info terkini mengenai BEFL 2024/25 bolehlah didapati di Instagram @bruneifutsalleague dan siaran langsung setiap perlawanan juga boleh diikuti di siaran YouTube.

Kejohanan BEFL 2024/25 merupakan anjuran Yakin Football League yang ditaja oleh HiTUNE Group of Companies dan disokong oleh Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD).

Kongsi pengetahuan teknik asas bermain boling



SERAMAI 27 pemain boling menyertai Klinik Boling untuk lelaki anjuran Syarikat Boling GoStrike yang diadakan selama dua hari iaitu 11 dan 12 Oktober 2024 di Pusat Boling GoStrike, Seria (kiri dan kanan).

Siaran Akbar dan Foto : Pusat Boling GoStrike

SERIA, Selasa, 15 Oktober. - Seramai 27 pemain boling telah menyertai Klinik Boling untuk lelaki anjuran Syarikat Boling GoStrike yang diadakan selama dua hari iaitu 11 dan 12 Oktober 2024 di Pusat Boling GoStrike, Seria.

Klinik Boling ini merupakan salah satu daripada banyak aktiviti yang dirancang di bawah Kempen Bulan Boling GoStrike yang

berlangsung di sepanjang bulan Oktober bersempena dengan Ulang Tahun Pertama GoStrike. Para peserta berpeluang untuk belajar dan terlibat dengan jurulatih berauliah dan pemain boling profesional dari Malaysia iaitu Isaac Russell Paul.

Pencapaian beliau termasuk menjadi jurulatih untuk Sumatera Utara, Indonesia pada 2024, Ketua Jurulatih untuk Hanoi,

Viet Nam dari tahun 2018 hingga 2023, dinobatkan sebagai juara semasa Terbuka Antarabangsa Indonesia 2012 dan Kejohanan Kebangsaan Malaysia 2012 dan lain-lain lagi.

Para peserta telah diberi peluang unik untuk mengilap pengetahuan dan kemahiran mereka tentang boling yang merangkumi teori boling, teknik, petua perkembangan manakala pada separuh sesi kedua, mereka telah belajar mengenai

postur, pelepasan dan sasaran untuk melepaskan bola boling.

Klinik Boling ini bertujuan untuk membangunkan pemain boling agar lebih konsisten dalam permainan dan prestasi mereka melalui pembelajaran kemahiran asas dan pengetahuan boling dan seterusnya dapat memperoleh keputusan yang lebih baik di dalam dan di luar kejohanan dan diharapkan dapat mewakili Negara Brunei Darussalam.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERTAUBAT, BERISTIGHFAR KUNCI PEMBUKA REZEKI